**Cuti-cuti Pulau Pinang**
MS 11, 14 & 15







MAC 1-15, 2020

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Amaran ke-3 segerakan pembenihan awan





EMPANGAN Muda kelihatan kontang dengan kapasiti hanya 7.44 peratus pada 13 Februari 2020.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PBAPP**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memberi amaran berhubung paras air Empangan Muda yang kini berada pada tahap kritikal serta tidak lagi mampu menyokong paras air di Sungai Muda ketika musim kemarau.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, kapasiti air di Empangan Muda, Kedah adalah 160 bilion liter namun dilaporkan berada pada tahap 7.44 peratus pada 13 Februari 2020.

Turut dilaporkan, paras air Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang berada pada paras amaran iaitu 1.77 meter, yang mana paras normal sungai adalah 2.0 meter dan ke atas.

"Oleh itu, paras air Sungai Muda sangat bergantung kepada hanya satu empangan lain di Kedah iaitu Empangan Beris yang berkapasiti 120 bilion air.

"(Dan) bagi mengekalkan paras Sungai Muda, Empangan Beris melepaskan kira-kira 864 juta liter air sehari (MLD).

"Walau bagaimanapun, PBAPP belum mendapatkan bacaan terbaru dan dilaporkan bahawa kapasiti empangan ini (Empangan Beris) pada tahap 69.87 peratus pada 6 Februari lalu," ujarnya dalam kenyataan media berhubung amaran krisis air kali ketiga di sini 14 Februari 2020.

Difahamkan, sehingga hari ini, PBAPP masih mampu mengoptimumkan abstraksi air mentah dari Sungai Muda untuk proses rawatan air di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua bagi memenuhi permintaan di negeri ini.

Dalam pada itu, Jaseni berharap pembenihan awan di kawasan tadahan air, Empangan Beris dan Empangan Muda serta lembangan Sungai Muda dapat disegerakan.



IR. Jaseni Maidinsa.

"Pihak berkuasa dan agensi-agensi berkaitan mesti mengutamakan serta menyegerakan pembenihan awan bagi memastikan simpanan air mentah dapat bertahan sehingga musim hujan tiba.

"Sekiranya Empangan Beris tidak mempunyai air yang mencukupi untuk dilepaskan bagi mengekalkan paras Sungai Muda, maka krisis air dijangka akan berlaku di selatan Kedah dan Pulau Pinang," jelasnya.

Tambah beliau, adalah sangat penting untuk Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Persekutuan merumuskan pelan kontigensi dalam menyokong dan melindungi bekalan air di selatan Kedah dan Pulau Pinang sekiranya musim kemarau berlanjutan.

"Oleh itu, kami (PBAPP) ingin menarik perhatian agar tindakan segera perlu diambil oleh Kedah dan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan tiada catuan air, di Pulau Pinang dan selatan Kedah pada tahun 2020 ini," katanya.

*(Rujuk juga muka 8).*

# Sektor pembuatan dan perkhidmatan penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN –** Sektor pembuatan dan perkhidmatan kini menjadi penggerak kepada kemajuan ekonomi Pulau Pinang dan merupakan antara penyumbang tertinggi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri selain sektor pelaburan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri dalam kerangka untuk mempelbagaikan cabang ekonomi agar Pulau Pinang tidak terlalu bergantung kepada sektor elektrik dan elektronik (E&E).

"Pulau Pinang sebelum ini dikenali sebagai negeri yang kuat dalam sektor pembuatan tetapi dalam dua atau tiga tahun kebelakangan ini, sumbangan sektor pembuatan dan perkhidmatan mula menampakkan perubahan.

"Sekarang ini, kita (Kerajaan Negeri) dapati satu keadaan yang mana selain sektor pembuatan, sektor perkhidmatan juga mencapai keputusan baik sehingga masing-masing menyumbang hampir 48 peratus kepada KDNK negeri.

"Hal ini bermakna Pulau Pinang kini mempunyai dua penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri iaitu sektor pembuatan dan juga perkhidmatan," katanya dalam rancangan Bicara Politikonomi di RTM1 bertajuk Visi Penang2030 di sini pada 21 Februari lalu.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa Pulau Pinang kini berusaha untuk menarik pelaburan dalam sub sektor baharu bagi mencipta lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti di negeri ini.

"Contohnya, kita berusaha mendapatkan pelaburan dalam industri peranti perubatan yang dilihat mampu mencipta pelaburan serta peluang pekerjaan bernilai tinggi.

"Dalam bidang perkhidmatan pula, selain pelancongan kita juga dapati ada sektor penyumberan luar global seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perakaunan yang dilihat mampu menarik pelabur bagi menempatkan ibu pejabat rantau Asia di negeri ini," ujarnya.



**KETUA Menteri dan pengacara menunjukkan buku Visi Penang2030 pada wawancara siaran langsung segmen Bicara Politikonomi RTM1 di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri menjangkakan mampu mencapai kira-kira RM15 bilion nilai pelaburan sepanjang tahun 2019.

"Sehingga September tahun lepas, Pulau Pinang mencatatkan pelaburan paling tinggi dalam sejarah iaitu RM13.3 bilion pelaburan asing serta tempatan, dan ini merupakan prestasi yang amat baik.

"Justeru, kita berharap agar tahun ini kita juga dapat terus mengekalkan keyakinan pelabur dan mencapai pelaburan yang tinggi walaupun berdepan dengan beberapa cabaran," jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow menzahirkan harapan agar Visi Penang2030: Negeri Hijau dan Pintar Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara dapat membuka peluang kepada semua rakyat jelata untuk melibatkan diri dalam dasar-dasar Kerajaan Negeri.

"Walaupun ada pihak-pihak yang sangsi terhadap prestasi Pulau Pinang dalam membantu rakyat dengan membangkitkan isu politik tetapi hakikatnya kita mendapat sokongan padu daripada rakyat pada Pilihanraya Umum Ke-14 lalu.

"Buktinya adalah dengan penambahan peratusan sokongan yang diperoleh selain pertambahan kerusi di Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Walau bagaimanapun, kita tidak boleh puas hati kerana selagi rakyat tidak dapat nikmati hasil daripada pembangunan negeri, selagi itu kita (Kerajaan Negeri) perlu menambahkan lagi usaha," tegasnya.

# Pulau Pinang lancar jersi baru, harap lebih cemerlang

**DATUK KERAMAT -** Jersi baru Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) bagi saingan musim 2020 dilancarkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini.

Ketika berucap, beliau berharap pasukan Harimau Kumbang dapat menunjukkan aksi yang lebih cemerlang berbanding saingan pada musim lepas.

Serentak itu, beliau turut mengumumkan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM8 juta untuk persatuan tersebut.

"Harapan tinggi diletakkan atas bahu setiap pemain untuk menampilkan aksi yang terbaik serta cemerlang bagi membolehkan kita merangkul kejuaraan dalam Liga Primier dan sekaligus layak ke Liga Super secara merit, juga memasuki saingan Piala Malaysia yang turut meraikan Tahun Ke-100 pada tahun ini (2020)," jelasnya dalam majlis yang berlangsung di Stadium Bandaraya dekat sini pada 20 Februari 2020.

Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee dan Presiden FAP, Dr. Amar Pritpal Abdullah antara pemimpin Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang yang hadir pada majlis pelancaran tersebut.

Hadir sama, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lain.


**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta FAP, para jemputan dan pemain-pemain menunjukkan tanda kesepakatan pada majlis pelancaran jersi FAP di sini baru-baru ini.**


**JERSI-jersi yang dilancarkan.**



Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Sistem saliran dan perparitan diselenggara, laksana operasi pembersihan berjadual

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** – Hampir RM19 juta dibelanjakan bagi menaik taraf sistem saliran dan perparitan di bahagian pulau bagi tahun 2018 dan 2019.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, jumlah yang dibelanjakan tersebut sekaligus menangkis dakwaan sebuah akhbar perdana yang melaporkan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak menyelenggara sistem saliran serta perparitan dengan baik.

"Jumlah RM19 juta itu hanya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan kerja-kerja pembersihan merupakan suatu usaha berterusan yang menjadi tanggungjawab PBT berkaitan.

"Pendekatan yang diambil dalam pembersihan longkang-longkang ini adalah termasuk operasi pembersihan secara berjadual dan berterusan termasuk tindakan penguatkuasaan," ujarnya pada sidang media di sini 13 Februari lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Ahli Majlis bagi MBPP, Nicholas Theng Jie Wey dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junus.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa operasi pembersihan sistem saliran dan perparitan adalah merangkumi parit-parit sekunder sebanyak tiga kali seminggu, parit di kawasan perumahan (setiap hari), lokasi *hotspot* denggi dan komersial (setiap Khamis) serta parit pasar atau kompleks makanan termasuk kaki lima.

"Operasi pembersihan parit besar pula adalah melibatkan 26 jajaran jalan yang turut dilakukan secara berjadual iaitu tiga bulan sekali," katanya.

Sebagai rekod, Jagdeep memaklumkan bahawa bagi tahun 2020, sebanyak tujuh projek penarafan telah dirancang dengan anggaran kos sebanyak RM6.705 juta.

Dalam sidang media sama, Jagdeep turut memaklumkan purata beratan sisa dan kelodak parit yang dibersih serta dilupuskan bagi tahun 2019 oleh MBPP iaitu berjumlah 10,076 tan dengan purata 27 tan sehari.



**JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkemeja putih) dan Ar. Yew Tung Seang (bertali leher biru) meninjau kerja-kerja pembersihan yang dilaksanakan kakitangan am MBPP pada lawatan khas di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN tugasan pembersihan harian yang dilaksanakan.**

Difahamkan bagi tahun 2018, beratan dibersihkan adalah berjumlah 14,437 tan bersamaan 39.5 tan sehari.

"Ini menunjukkan bahawa kesedaran dalam kalangan masyarakat adalah semakin meningkat terutamanya dalam kalangan pemilik-pemilik premis bagi memastikan sistem saliran serta perparitan sentiasa berada dalam keadaan bersih, dan saya berharap ia dapat ditambah baik lagi," serunya.

Dari segi kompaun, Jagdeep memberitahu bahawa pada tahun 2019, sebanyak 442 kompaun yang mana 93 peratus daripadanya adalah membabitkan kesalahan menyalurkan sisa minyak atau sampah ke dalam parit awam.

"Manakala tujuh peratus lagi adalah bagi kesalahan kebersihan pengendali makanan.

"Sebagai tambahan, sejak November 2019, melalui Operasi Penutupan Establisymen Makanan, sebanyak 18 premis makanan atau penyediaan makanan ditutup, dan sejumlah 276 kompaun dikeluarkan dalam operasi mencegah denggi,'' jelasnya.

Pada kesempatan itu, Jagdeep turut merakamkan penghargaan kepada 1,300 wira-wira pembersihan di bahagian pulau yang turun padang setiap hari melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

Dalam pada itu, Tung Seang ketika ditemui menyeru pemilik-pemilik premis serta orang ramai untuk sama-sama menjaga kebersihan premis, longkang dan kawasan persekitaran.

"Umumnya, di sebalik kepelbagaian penganugerahan yang diterima, MBPP masih terbuka menerima aduan daripada rakyat dengan hati terbuka serta positif.

"Namun, pada masa sama, kami juga ingin menyeru kepada orang awam dan pemilik premis makanan agar bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dari masa ke masa terutamanya kes membabitkan sisa minyak kerana ia akan menyebabkan sistem perparitan di sini terbeban," serunya.

# Sambut baik RM100 juta pembiayaan mikro industri pertanian

**GEORGE TOWN** - Mantan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyambut baik hasrat Pusat mengenai peri penting RM100 juta pembiayaan mikro dalam menjana perkembangan industri pertanian.

Menurut beliau, pembiayaan mikro dalam industri pertanian mampu menjadikan sektor tersebut sebagai pilihan utama golongan muda-mudi menjana pendapatan lumayan.

"Saya menyambut baik pengumuman Pusat yang memperkenalkan pembiayaan kewangan mikro untuk golongan B40 (kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah) bagi menceburi bidang pertanian melalui perjanjian kerjasama strategik antara Petronas dan Agrobank yang melibatkan dana sebanyak RM100 juta dalam tempoh lima tahun," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam kenyataan bertulis pada 29 Januari 2020 di sini.

Afif percaya bahawa dengan pembiayaan mikro tersebut juga sekaligus menjadikan anjakan bagi mengukuhkan lagi jaminan bekalan makanan negara.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2013 menyediakan skim pinjaman mikro kredit tanpa faedah yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani (TUT), dengan pembiayaan maksimum RM5,000 demi menggalakkan usahawan tani muda melibatkan diri dalam sektor pertanian, penternakan serta perikanan.

"Sehingga bulan Oktober 2019, dicatatkan seramai 144 peminjam TUT membabitkan jumlah peruntukan kira-kira RM750,000.

"Pembiayaan TUT kepada usahawan tani muda di Pulau Pinang juga telah memberi kesan berganda kepada industri pertanian yang akan memberi jaminan bekalan keselamatan makanan.

"Pada tahun 2019, Pulau Pinang telah mencatatkan purata hasil pengeluaran padi tertinggi dalam negara sebanyak 5, 428 kg/hektar, mengatasi hasil pengeluaran padi nasional (4, 199 kg/ha)," jelasnya.



**DR. Afif Bahardin.**

# Tingkat kemahiran bantu OKU

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menganjurkan Program Keusahawanan dan Semarak Budaya Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) sebagai usaha memperkasakan golongan kurang upaya di negeri ini.

Beliau berkata, inisiatif tersebut mampu memberi peluang kepada golongan orang kurang upaya (OKU) bagi mempertingkatkan kemahiran yang dilihat dapat membantu mereka untuk lebih berdikari.

"PPDK merupakan pertubuhan akar umbi yang memberi peluang kepada golongan OKU untuk menerima latihan asas yang dikendalikan oleh komuniti setempat secara sukarela di samping menerima bantuan daripada JKM.

"Di Pulau Pinang, kita ada 25 PPDK, dan ini memang membabitkan penglibatan komuniti untuk memberi peluang kepada golongan OKU menerima latihan kemahiran tertentu supaya mereka dapat berdikari.

"Mungkin hasil daripada produk dan perkhidmatan yang disediakan melalui program ini dapat menjadi sumber pendapatan untuk menyara kehidupan mereka," katanya pada sidang media selepas merasmikan program berkenaan di sini 13 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; mantan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Pengarah JKM Negeri Pulau Pinang, Shaballah Zainal Abidin serta Pengarah Urusan Mydin Wilayah Utara, Datuk Dr. Saduruddin Gulam Husen.

Terdahulu, Kon Yeow dalam ucapannya menjelaskan bahawa penglibatan masyarakat daripada pelbagai peringkat usia adalah amat penting dalam menterjemahkan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara dengan jayanya.

"Justeru, saya berharap agar lebih banyak agensi dan jabatan kerajaan dapat melaksanakan program sosial sepertimana yang dilaksanakan oleh JKM dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang lebih bersih, hijau, sihat dan selamat," ujarnya.

Dalam isu berkaitan, beliau turut menyeru kepada pengusaha dan pengendali taska serta pusat jagaan kanak-kanak supaya mendaftarkan perkhidmatan selaras dengan keperluan pematuhan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

"Merujuk kepada statistik JKM Pulau Pinang, masih terdapat 91 pusat jagaan dan 39 taska masih belum berdaftar di seluruh negeri.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri berharap agar para pengusaha dan pengendali dapat menggunakan kesempatan ini untuk menikmati diskaun 90 peratus menerusi program pemutihan taska yang diperkenalkan sejak 2017 dan akan tamat menjelang Jun tahun ini," tegasnya.

Dalam pada itu, Shaballah memberitahu bahawa sebanyak 25 PPDK berjaya ditubuhkan di negeri ini yang beroperasi dengan penglibatan seramai 217 petugas serta memberi manfaat kepada 1,033 pelatih.

"Inisiatif Satu PPDK Satu Produk juga telah dilancarkan di Pulau Pinang dan diharapkan dapat memberi impak yang besar terhadap penglibatan pelatih OKU menjana pendapatan dan memperkasakan nilai keusahawanan yang tinggi dengan bimbingan penyelia dan petugas yang komited," jelasnya.



**KETUA** Menteri dan isteri sambil ditemani kepimpinan Kerajaan Negeri dan barisan jemputan mencuba beberapa peralatan muzik sebagai salah satu gimik perasmian Program Keusahawanan dan Semarak Budaya PPDK di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN** peserta yang mengambil bahagian.

## *Penang Bay*, wujudkan integrasi pembangunan mampan George Town dan Butterworth

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Projek *Penang Bay*, inisiatif jangka panjang yang mengintegrasikan George Town, bahagian pulau dan Butterworth, Seberang Perai merupakan antara sembilan projek yang disenarai pendek dan dipamerkan di *The 10th Session of the World Urban Forum* (WUF10) dekat Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, *Penang Bay* telah disenarai pendek daripada 100 projek seluruh dunia yang dipamerkan di WUF10 sebagai sesi pengenalan platform pelaburan bandar.

"Matlamat projek ini adalah untuk mewujudkan Daerah Pusat Perniagaan atau *Central Business District* baharu dan lebih teratur serta mampan antara George Town dan Butterworth berteraskan inovasi teknologi serta kreativiti.

"Projek *Penang Bay* ini dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan dan Pemuliharaan George Town (GTCDC) dengan kerjasama Think City (Sdn. Bhd.) dan Kerajaan Negeri.

"(Dan) peluang mempamerkan projek ini di persidangan antarabangsa dekat Abu Dhabi akan membolehkan Kerajaan Negeri mendapat pelabur yang berminat untuk melabur dalam projek ini," ujarnya kepada pemberita pada sidang media di Komtar 6 Februari lalu.

Menurut Jagdeep, melalui projek berkaitan, pihaknya akan mengadakan Pertandingan Idea Penang Bay bagi mencari pendekatan kreatif daripada pakar-pakar seni bina serta perancangan bandar seluruh dunia.

"Seramai enam individu akan dipilih menjadi juri dan tiga pemenang utama serta tiga penghormatan tambahan akan dipilih dan senarai pemenang ini akan diumumkan pada bulan Jun 2020," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Program Think City, Dr. Matt Benson yang turut sertai sidang media itu memberitahu bahawa idea *Penang Bay* adalah untuk mewujudkan sebuah daerah kreatif dan berteknologi di *Central Business District George Town* yang berintegrasi dengan projek pesisir pantai lain.

"Di bahagian Butterworth, kawasan sekitar *Penang Sentral* akan dimajukan lagi termasuk kemudahan pelabuhan dalam usaha mewujudkan hab inovasi dan pembangunan bercampur dengan komponen rekreasi, pendidikan serta perusahaan.

"Selain itu, projek ini akan menghubungkan *Gurney Wharf* dan Butterworth menerusi laluan pesisir pantai yang baharu," jelasnya.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri, S. Bharathi antara yang hadir pada sidang media berkaitan.

Terdahulu, pada 8 hingga 13 Februari lalu, Jagdeep mengetuai delegasi Kerajaan Negeri ke WUF10 bagi mempamerkan idea *Penang Bay*. Mengiringi beliau, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad dan Rozali.




**LAKARAN** artis menunjukkan persempadanan pelaksanaan projek *Penang Bay*.




**JAGDEEP** Singh Deo (kiri sekali) memberi penerangan ringkas mengenai projek *Penang Bay* sambil ditemani Sr. Rozali Mohamud (dua dari kiri), S. Bharathi (dua dari kanan) dan Dr. Matt Benson (kanan sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Pembinaan KXP masih tertakluk kepada kelulusan Pusat

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri menghormati keputusan Negeri Kedah untuk membina Lapangan Terbang Kulim (KXP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pembinaan lapangan terbang berkenaan masih lagi tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

"Kita (Pulau Pinang) menerima hakikat bahawa Kerajaan Negeri Kedah ada hak untuk membina lapangan terbang tersebut.

"Walau bagaimanapun, ia masih tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan termasuk keupayaan untuk membiayai projek itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah bagi pembinaan bangunan baru Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) Pulau Pinang di sini 13 Februari lalu.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, beliau mengulangi kenyataan bahawa Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebelum ini bahawa KXP hanya akan menjadi sebuah lapangan kargo dan bukan untuk penumpang.

"Kita (Pulau Pinang) akan bangkitkan kebimbangan ini pada mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) nanti," ujarnya.

Terdahulu, media melaporkan bahawa KXP AirportCity Holdings Sdn. Bhd. telah melantik *Aeroporte de Paris Ingenierie* (ADPI) untuk merangka pelan induk pembinaan KXP.

Dalam isu berlainan, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bakal menandatangani perjanjian rasmi dengan rakan pelaksana projek bagi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) menjelang Mac ini.

"Perjanjian ini masih lagi dalam proses kajian yang teliti dan selepas perjanjian dimeterai, barulah kerja-kerja fasa kedua dapat diteruskan membabitkan panggilan tender serta proses reka bentuk.

"Sekiranya segala perancangan berjalan lancar, kita jangka kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan pada akhir tahun ini atau kemungkinan lebih awal," ulasnya.

## *My Best Buy*, bekalan mentah segar dengan harga murah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM20,000 kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang bagi menganjurkan program *My Best Buy* (MBB) membabitkan lebih 20 lokasi terpilih di negeri ini.

Mantan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata bahawa sejak 2016 sehingga 31 Disember tahun lalu (2019), program berkenaan mencatatkan nilai jualan kira-kira RM2.83 juta yang melibatkan 1,471 usahawan dan 174,750 pengunjung.

"Saya telah meluluskan sebanyak RM20,000 kepada FAMA Pulau Pinang untuk kita adakan program ini di lebih 20 lokasi lagi di seluruh negeri.

"Tujuannya adalah supaya kita dapat sampai kepada lebih ramai masyarakat dan pastinya golongan sasar yang kita akan tumpukan iaitu keluarga berpendapatan rendah (B40)," jelasnya selepas merasmikan program MBB 2.0 di padang bola Taman Pauh dekat sini 9 Februari lalu.

Turut hadir, Pengarah FAMA Pulau Pinang, Habibah Sulaiman; ahli jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Pauh serta usahawan-usahawan MBB.

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu bahawa program MBB berkaitan membantu masyarakat untuk mendapatkan bekalan mentah yang segar dengan harga lebih murah berbanding (harga) pasaran.

"Selain itu, pelbagai program pemasaran FAMA yang memberi manfaat terus kepada pengguna turut ditawarkan melalui program ini seperti Jualan Terus Dari Ladang, Jualan Terus Dari Kilang, Jimat Belanja Dapur dan banyak lagi.

"Melalui program ini juga, sebanyak RM565,029.69 nilai penjimatan telah dinikmati oleh pengguna," ujarnya.

Dalam pada itu, Habibah memberitahu bahawa peruntukan RM20,000 berkenaan akan disalurkan untuk menggerakkan 20 program MBB 2.0 di seluruh negeri ini.

"Bagi fasa pertama, kita rancang guna peruntukan ini untuk 20 program sebelum tiba Hari Raya Aidilfitri pada Mei ini supaya penjimatan maksimum boleh dinikmati ramai orang terutamanya sebagai persiapan hari raya," katanya.



**DR. Afif Bahardin (empat dari kiri) bersama-sama barisan jemputan khas merakam gambar kenangan sejurus merasmikan program MBB 2.0 di sini baru-baru ini.**






**SEBAHAGIAN pengunjung tidak melepaskan peluang membeli produk-produk yang dijual.**



**USAHAWAN-usahawan muda yang turut mengambil bahagian dengan produk jualan nanas.**

## Sektor pelaburan Pulau Pinang tidak terjejas

**BUKIT TAMBUN –** Sektor pelaburan di Pulau Pinang tidak terjejas meskipun negara berdepan cabaran penyebaran wabak Koronavirus (Covid-19) dan krisis politik pada peringkat Persekutuan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, krisis politik dan serangan wabak (Covid-19) yang melanda negara adalah bersifat sementara (interim) dan ia mampu ditangani dengan sebaiknya.

"Pelaburan di negeri ini nampaknya tidak terjejas dan ada beberapa pelaburan telahpun diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Kebangsaan (NCI) untuk Pulau Pinang pada Januari lalu.

"(Dan) saya percaya sesiapa pun yang menjadi kerajaan selepas ini, dasar-dasar berhubung dengan pelaburan asing tidak akan berubah sebaliknya akan ditambah baik," ujarnya pada sidang media selepas merasmikan majlis pecah tanah bagi pembinaan kilang pembuatan berteknologi tinggi oleh Smith+Nephew dekat Persiaran Cassia 8 di sini 28 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Mohd. Bazid Abd Kahar.

Turut serta, Pengarah InvestPenang, Dato' Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud; Presiden Global Operation Smith+Nephew, Mark Dladwell serta wakil-wakil pihak berkaitan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa keadaan perang perdagangan di antara Amerika dan China telah memberi kelebihan kepada negara-negara di Asia Tenggara terutamanya Malaysia kerana mempunyai dasar yang menggalakkan pelaburan.

"Malaysia kini berada pada kedudukan yang baik berbanding negara-negara jiran kerana dasar-dasar kita adalah untuk menggalakkan pelaburan seperti ekosistem yang baik, infrastruktur serta bakat yang mencukupi bagi menarik pelabur-pelabur.

"Selain itu, Pulau Pinang turut memainkan peranan penting sebagai lokasi pelaburan asing dan tempatan," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut menzahirkan keyakinan bahawa Pulau Pinang mampu mencatatkan jumlah pelaburan lebih tinggi bagi tahun 2019.

"2019 adalah tahun yang paling baik dalam sejarah industri di Pulau Pinang dengan mencatatkan RM13.3 bilion sehingga bulan September 2019 tetapi angka-angka sehingga akhir (2019) kita dimaklumkan bahawa MIDA akan buat pengumuman pada minggu akan datang.

"Dan, saya percaya sehingga akhir tahun mungkin angkanya lebih tinggi sedikit," jelasnya.

# Penggiat akuakultur disaran ceburi penternakan tiram

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**BATU UBAN –** Penggiat industri akuakultur di Pulau Pinang disaran agar menceburi bidang penternakan tiram dalam usaha memenuhi permintaan terhadap makanan laut tersebut.

Pengarah Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Aileen Tan Shau Hwai berkata, kini pengusaha tempatan cuma mampu memenuhi 14 peratus daripada keseluruhan permintaan dalam negara, manakala bakinya (86 peratus) terpaksa diimport.

"Pasaran tiram sememangnya mempunyai permintaan yang tinggi, tetapi di Malaysia 86 peratus daripadanya terpaksa diimport.

"Jadi penternakan tiram ini merupakan satu industri yang mampu memberi pulangan lumayan kepada penternak.

"Di USM melalui CEMACS, kita permudahcarakan penternakan ini agar ia menjadi mudah serta tidak memerlukan perhatian yang tinggi daripada pengusahanya," ucapnya pada Syarahan Umum sempena pengiktirafan sebagai ahli akademik bertaraf Profesor di sini 20 Februari lalu.



PROF. Dr. Aileen Tan Shau Hwai (berjubah ungu) merakam gambar kenangan dengan barisan jemputan khas bersempena Syarahan Umum Pelantikan Profesor di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari dan Dekan Pusat Pengajian Sains Kajihayat USM, Prof Dr. Amirul Al-Ashraf Abdullah.

Selain itu, Shau Hwai menyatakan bahawa penternakan tiram adalah lebih mudah kerana ia tidak perlu diberi makan seperti ikan dan udang, sebaliknya mendapat makanan daripada plankton.

"Antara kebaikan tiram tempatan termasuk ianya segar, rasa yang sedap, rendah kolesterol serta amat diterima di peringkat antarabangsa," ujarnya.

Pada sesi syarahan umum berkaitan, antara intipati lain yang turut dikongsi beliau termasuk projek pembiakan tiram gergasi di Johor serta kekayaan khazanah laut Malaysia.

Turut berlangsung, pameran mengenai hidupan marin melibatkan moluska.

## Pertandingan robotik peringkat Asia, 6 & 7 Jun

**GEORGE TOWN -** Tech Dome Penang (TDP) akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran *Asean 4.0 Robotic Challenge* di Komtar pada 6 dan 7 Jun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif PTD, Dr. Khong Yoon Leong.

Beliau memberitahu bahawa pertandingan yang mendapat sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta GARA STEM dari negara Vietnam itu antara lain bertujuan mencari serta memupuk kemahiran berwajib dalam kalangan bakat.

"Pertandingan robotik ini dianjurkan demi membuka minda pelajar dan pendidik ke arah celik digital, sebagai persediaan untuk menempuhi era IR 4.0 (Revolusi Industri 4.0).

"Pertandingan ini terbuka kepada bakat muda-mudi dari Malaysia, Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia dan Kemboja demi melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang diperlukan (ke arah) menjadi celik digital pada masa akan datang.

"Para guru dan ibu bapa dialu-alukan untuk memiliki pengalaman dalam teknologi digital termasuk pengekodan *(coding)*, internet benda (IoT), realiti maya *(virtual reality)* dan realiti terimbuh *(augmented reality)*," jelasnya pada sidang media di sini pada 13 Februari 2020.

Turut serta, Pengasas merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Garastem Educational Technology Joint Stock Company, Truong Vo Huu Thien; Ketua Pegawai Teknologi Smartnations Asia, Lee Kean Wey dan Pengasas Kumpulan merangkap Pengarah Eksekutif Whytehouse Education Group, Jery Yeoh.

Menurut Yoon Leong, pertandingan terbahagi kepada dua kategori iaitu tahap awal meliputi umur antara 8 hingga 12 tahun dan tahap menengah (13 hingga 17 tahun).

"Pertandingan bermula pada jam 9 pagi hingga 5 petang...latihan akan disediakan sebelum pertandingan bermula.

"Yuran penyertaan RM550 untuk satu pasukan (dua peserta) bagi *GARA G-Robot* bernilai AS$79, kelengkapan latihan, sijil dan pingat," ulasnya.

Layari web PTD, *http://www.techdomepenang.org* atau hubungi Joanne melalui talian +60164058378 bagi urusan pendaftaran tempatan dan +60184724468 (Lee) untuk perdaftaran antarabangsa.



DR. Khong Yoon Leong (dua dari kanan) dan barisan penganjur serta wakil-wakil penaja mempamerkan replika robot pada sidang media di sini baru-baru ini.

## PTMP, tingkat pertumbuhan sektor pelancongan hingga 2030

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri berusaha membangunkan pelbagai produk pelancongan di bawah Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang yang bakal membawa manfaat kepada penduduk tempatan.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya & Warisan, Yeoh Soon Hin berkata, adalah penting untuk Kerajaan Negeri mempelbagaikan produk pelancongan dalam memenuhi cita rasa pelancong sama ada dari dalam dan luar negeri.

"Pulau Pinang merupakan negeri pertama di negara ini yang melancarkan pelan induk pelancongan bertujuan meningkatkan pertumbuhan sektor pelancongan bagi tempoh 2020 hingga 2030.

"Dalam merealisasikan usaha ini, kita (Kerajaan Negeri) sentiasa mengambil perhatian serius terhadap kepentingan penduduk tempatan dalam pembangunan kepelbagaian produk pelancongan di negeri ini," ujarnya pada Sesi Town Hall Penang Tourism Master Plan (PTMP) di sini pada 13 Februari lalu.

Perunding utama YZD Planning and Consult (YZD), Prof. Dr. Badaruddin Mohamed bertindak sebagai moderator pada program tersebut yang turut berkongsi beberapa cadangan serta pandangan berhubung pelaksanaan pelan berkenaan.




YEOH Soon Hin ketika berucap pada Sesi Town Hall PTMP di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan; Pengarah Lembaga Muzium Pulau Pinang, Haryany Mohamad serta wakil-wakil penggiat industri pelancongan negeri.

Menurut Badaruddin, PTMP yang terdiri daripada empat teras utama iaitu mempelbagaikan produk pelancongan (Teras A); meletakkan Pulau Pinang sebagai destinasi utama (Teras B), memastikan aktiviti pelancongan berterusan (Teras C) dan mempromosikan destinasi pelancongan pintar (Teras D).

"Terdapat beberapa produk pelancongan boleh dipelbagaikan untuk menjadikan ia lebih menarik seperti beca yang dapat diubah suai menggunakan enjin selain memakai pakaian seragam," katanya.

Dalam pada itu, Norlela turut berkongsi pandangan mengenai projek 'Kampung Terus' dengan mencadangkan pembinaan stesen bot vila dan rumah rakit yang diinspirasikan dari Kerala di selatan India.

Projek tersebut adalah antara inisiatif di bawah Teras A iaitu mempelbagaikan produk pelancongan.

"Apabila saya melawat Kerala, lokasi di mana terletaknya rumah-rumah rakit telah mengingatkan saya tentang landskap Kampung Terus yang mengairi sawah padi di kawasan sekitarnya.

"Saya sangat kagum dengan rumah rakit di sana (Kerala) yang diperbuat daripada buluh. Ia kelihatan tradisional dari luar tetapi di dalam, ada seperti bilik hotel yang kelihatan sangat kondusif selain memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

"Jadi, saya memutuskan untuk bekerjasama dengan pasukan di Kerala bagi mewujudkan konsep seperti itu di Pulau Pinang," katanya.

Pelbagai input diterima daripada pihak-pihak berkepentingan yang mengambil bahagian dalam sesi *townhall* tersebut termasuk menggalakkan artis tempatan (Pulau Pinang) menghasilkan produk kraftangan dan mengekalkan identiti serta keaslian produk pelancongan.

# Covid-19, rancangan pemulihan krisis bermula

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri telah memulakan beberapa rancangan pemulihan krisis jangka pendek dan jangka panjang bagi membendung penularan wabak koronavirus (Covid-19), kata Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin.

Menurut beliau, penularan wabak tersebut di seluruh dunia sedikit sebanyak memberi kesan kepada sektor pelancongan negeri.

"Sektor pelancongan Pulau Pinang menunjukkan penurunan dalam jumlah pelancong dan kadar penginapan (bilik) hotel.

"Justeru, bagi pelan tindakan segera, kita (Kerajaan Negeri) akan menerbitkan poster-poster berhubung nasihat dan langkah pencegahan untuk diuar-uarkan kepada orang ramai.

"Malah, Kerajaan Negeri juga akan menyediakan topeng muka *(mask)*, *hand sanitizer* dan berkongsi video keselamatan tentang penyebaran virus berkenaan," jelasnya pada sidang media di sini 15 Februari lalu.

Bagi meningkatkan sektor pelancongan negeri yang terkesan daripada wabak Covid-19 tersebut, Soon Hin memberitahu bahawa pihaknya mempunyai perancangan dengan syarikat penerbangan dan sektor perhotelan untuk membangunkan pelancongan domestik.




YEOH Soon Hin (dua dari kiri) dan barisan tetamu kehormat pada penganjuran TRAC di sini baru-baru ini.

"Bagi memastikan sektor pelancongan negeri terus berkembang baik, kita mempunyai rancangan untuk menyediakan kadar promosi menarik untuk meningkatkan kedatangan pelancong domestik," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Soon Hin sebelum itu turut menyertai mantan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Datuk Mohamaddin Ketapi dan Datuk Musa Yusof (Ketua Pengarah Tourism Malaysia) pada Roadshow Jawatankuasa Tindakan Pemulihan (TRAC) di Dewan Perbandaran dekat Bangunan UOB di sini 15 Februari lalu.

Hadir sama, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Jabatan Kesihatan Negeri, Dr. Chow Sze Loon; Dr. Asmayani Khalib (Pengarah Kesihatan Pulau Pinang dan Mohd. Zamri Mat Zain (Timbalan Setiausaha Pelancongan Malaysia).

Dalam perkembangan sama, di peringkat Persekutuan, Mohamaddin memaklumkan bahawa kementerian telah mengambil langkah positif dengan membentuk satu jawatankuasa dikenali sebagai TRAC.

Ulas beliau, jawatankuasa tersebut berperanan menjaga keselamatan pelancong dan memastikan semua pelawat yang masuk ke Malaysia berada dalam persekitaran yang kondusif.

"Kita (Malaysia) mahu mereka (pelancong) yakin dengan langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi masalah penularan virus Covid-19.

"Jawatankuasa (TRAC) akan menjelaskan kepada pelancong mengenai langkah-langkah yang perlu diikuti, termasuk pendekatan meningkatkan kebersihan diri sebagaimana disyorkan Kementerian Kesihatan untuk mengelakkan jangkitan semasa berada di negara ini.

"Di samping itu, jawatankuasa ini akan menyediakan perancangan sumber pasaran baru bagi sektor pelancongan terutamanya dari negara China yang kini terjejas teruk oleh serangan virus berkenaan.

"Bagi pihak MOTAC, kita masih mengekalkan sasaran untuk menarik 30 juta pelancong tahun ini walaupun mereka menghadapi serangan virus yang secara tidak langsung memberikan kesan negatif terhadap kedatangan pelancong kini," jelas Mohamaddin.

## Kerjasama My4IRC dan swasta mampu perkasa segmen industri negeri

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU UBAN –** Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara *Malaysian 4th Industrial Revolution Consortium* (My4IRC) dengan beberapa syarikat swasta di negeri ini secara tidak langsung mampu memperkasakan segmen industri Pulau Pinang.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa kerjasama tersebut penting bagi pemain-pemain industri dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan ekonomi digital.

"Kepakaran setiap organisasi melalui pembentukan kerjasama ini mampu memberi impak dalam sektor industri di Pulau Pinang termasuk penguasaan ekonomi digital.

"Semua badan bakal memainkan peranan masing-masing, khususnya dengan penganjuran kali ketiga Forum Transformasi Digital ini.

"Langkah Kerajaan Pusat memberi RM30 melalui e-dompet juga sebenarnya sebahagian daripada usaha menggerakkan ekonomi digital," ujarnya pada sidang media sejurus penganjuran program *'Role of Big Data & Analytics in Industry 4.0 Supply Chain'* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Naib Canselor DRB HICOM University of Automotive Malaysia, Prof. Datuk Sr. Dr. Omar Osman; Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad, Emelia Matrahah; Pengarah Urusan USAINS, Farid Wajidi Mat Yusoff serta wakil-wakil TalentCorp Malaysia, Telekom Malaysia dan *Digital Next Solution*.

Mengulas lanjut, Abdul Halim percaya bahawa inisiatif tersebut juga adalah selari dengan Visi Penang2030 serta dapat membantu Pulau Pinang untuk muncul sebagai negeri pintar.

"Pulau Pinang ada ekosistem dan kekuatan dalam sektor industri dan sangat bersedia… kita sudah lama perkasakan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik), bahkan kita sememangnya mempunyai tenaga kerja yang cukup," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.




**ABDUL Halim Hussain (tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan jemputan khas dan wakil-wakil berkaitan pada penganjuran program *'Role of Big Data & Analytics in Industry 4.0 Supply Chain'* di sini baru-baru ini.**

## Penyertaan sulung bawa tuah buat Jun You

**GEORGE TOWN –** Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu!

Begitulah rezeki yang diraih oleh Lim Jun You, 12, dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Li Tek 'B' dekat sini yang berjaya menawan hati juri dengan hasil mewarna sekaligus memenangi tempat pertama Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna Siri 2/2019 anjuran Buletin Mutiara.



**BARISAN juri menunjukkan karya-karya yang berjaya melepasi saringan akhir Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna Siri 2/2019 anjuran Buletin Mutiara di sini.**

Kreativiti dan teknik mewarna yang menggunakan pensel warna serta *'magic pens'* oleh beliau berjaya mengalahkan 19 penyertaan (yang melepasi saringan akhir) lain.

Menurut bapanya, Lim Joo Kim, peraduan tersebut merupakan yang pertama disertainya setelah disyorkan oleh saudara beliau.

"Jun You lebih gemar melukis dan tidak sangka akan memenangi tempat pertama dalam peraduan yang disertainya kali pertama," ujarnya ketika ditemui di pejabat Buletin Mutiara dekat sini baru-baru ini.

Selain melukis, difahamkan Jun You turut meminati sukan badminton serta aktif di sekolah.

Tempat kedua dimenangi oleh Lee Sin Xuan dan tempat ketiga pula, Y. Dharvin, masing-masing berusia 11 tahun.

Sin Xuan, anak bongsu daripada tiga adik-beradik merupakan pelajar di SJKC Chong Kuang, Sungai Bakap, beliau mula mewarna dan menyertai pertandingan serupa sejak usia empat tahun. Malah, turut mengikuti kelas tambahan khas bagi mempelajari teknik mewarna dan lukisan.

Manakala Dharvin yang belajar di *GEMS International School*, Simpang Ampat, menjadikan aktiviti mewarna sebagai hobi bagi mengisi masa lapang.

Pemenang tempat pertama membawa pulang wang tunai RM250 berserta sijil penghargaan dan tempat kedua (RM150 dan sijil penghargaan) serta ketiga (RM100 serta sijil penghargaan).

Bertemakan 'Negaraku Tercinta', peraduan yang berlangsung dari 1 Ogos 2019 hingga 30 September 2019 itu berjaya menarik hampir 2,500 penyertaan berbanding Siri 1/2019 hanya 2,000 penyertaan sahaja.

Saringan awal telah diadakan pada 22 Oktober 2019 lalu, manakala saringan akhir, 20 Disember 2019.




**LIM Jun You menunjukkan sijil penghargaan yang dimenangi.**

*(Dari muka 1).*

# Pembenihan awan perlu dipergiatkan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Operasi pembenihan awan perlu dipergiatkan di Pulau Pinang dan selatan negeri Kedah bagi memenuhi keperluan air sehingga tibanya musim hujan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pembenihan awan perlu dilaksanakan untuk menghasilkan hujan di empangan tadahan bagi melepaskan air yang mencukupi ke Sungai Muda.

"Sungai Muda adalah sumber air mentah utama bagi Pulau Pinang dan selatan Kedah, lebih daripada 80 peratus air mentah yang diabstrak PBAPP setiap hari asalnya dari sungai ini.

"Terdapat juga 14 loji rawatan air Kedah yang bergantung kepada air mentah dari sungai (Sungai Muda) yang sama untuk memenuhi keperluan di selatan negeri tersebut.

"Oleh itu, adalah sangat penting pembenihan awan dipergiatkan untuk menghasilkan hujan di kawasan tadahan Empangan Beris, Empangan Muda dan kawasan tadahan lain di lembangan Sungai Muda," ujarnya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini 18 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Jaseni menyatakan bahawa di muka sauk Lahar Tiang, paras air sungai telah menurun di bawah tahap amaran iaitu 1.9m (meter) pada 17 Februari 2020.

"Manakala, pada tempoh sama, dua empangan lain iaitu Empangan Muda mencatatkan pengurangan ketara sehingga 6.7 peratus dan Empangan Beris (67.2 peratus),'' jelasnya.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa Empangan Mengkuang adalah berperanan sebagai simpanan strategik kemarau, bagaimanapun empangan berkaitan hanya dapat membekalkan maksimum 300MLD air mentah setiap hari sahaja.

"Kita (PBAPP) juga melepaskan air dari simpanan strategik kemarau, Empangan Mengkuang di Seberang Perai bagi mengimbangi abstraksi air mentah dari Sungai Muda setiap hari.

"Bagi tempoh sama (17 Februari), kapasiti efektif empangan (Mengkuang) ini adalah 72.9 peratus, namun ia sendiri tidak mampu untuk memenuhi semua keperluan air mentah Pulau Pinang.

"Ini disebabkan, PBAPP hanya melepaskan maksimum 300 juta liter air sehari (300MLD) dari Empangan Mengkuang, manakala purata penggunaan air terawat negeri adalah 843MLD (2019).

"Dalam erti kata lain, Empangan Mengkuang membantu untuk memenuhi keperluan air mentah harian Pulau Pinang, jika PBAPP masih mampu untuk mengabstrak air mentah dari Sungai Muda.

"Justeru, kita (PBAPP) menyeru usaha pembenihan awan dipergiatkan di kawasan tadahan Sungai Muda agar ia boleh membekalkan air yang mencukupi untuk memenuhi keperluan Pulau Pinang dan selatan Kedah sehingga tibanya musim hujan nanti," ujarnya lanjut.






# RM240.3 juta selenggara skim perumahan negeri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAGAN JERMAL –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang membelanjakan RM240.3 juta bagi tujuan penyelenggaraan skim perumahan awam dan swasta di negeri ini sejak 2008.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, jumlah itu termasuk penyelenggaraan skim perumahan awam sebanyak RM184.3 juta; Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang, TPM80PP (RM34 juta) serta skim di bawah seliaan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (RM22 juta).

"Perbelanjaan ini termasuk pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan awam, pembaikan dan penggantian lif, pembaikan tangki air, penggantian bumbung rumah, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) serta pembersihan.

"Peruntukan ini menunjukkan prestasi Kerajaan Negeri bukan sahaja dalam pelaksanaan projek (perumahan) tetapi juga pada aspek perbelanjaan yang mana setiap sen yang kita kutip dikembalikan kepada rakyat melalui projek-projek bermanfaat untuk mereka," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan penyerahan lif baru dan kerja-kerja sampingan dekat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampang Jajar di sini 18 Februari lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Ir. Roslan Ismail; Ketua Jurutera Mekanikal Negeri JKR, Mohd. Sallehuddin Al-Ayubi Ali; Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi serta Setiausaha Kawasan Rukun Tetangga PPR Ampang Jajar, Robitah Yusoff.



ANTARA penduduk yang menggunakan kemudahan lif yang dibekalkan.

Mengulas lanjut, mengenai projek penyelenggaraan di PPR Ampang Jajar, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM700,000 bagi tahun 2020.

"Kos ini adalah bagi melaksanakan kerja-kerja menambah alat pemadam api, pengujian dan penyelenggaraan sistem pam bagi tangki air, pemasangan CCTV serta penggantian pintu bilik utiliti.

"Peruntukan ini tidak termasuk di dalam peruntukan RM6,763,117.39 yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 sehingga tahun lepas khusus untuk penyelenggaraan di PPR Ampang Jajar yang memberi manfaat kepada lebih 606 penghuni di sini.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) menyempurnakan majlis penyerahan dua unit lif baru dekat Blok A, PPR Ampang jajar di sini baru-baru ini.

"Justeru, kita minta penduduk agar bersama-sama menjaga kemudahan yang disediakan ini demi manfaat bersama," serunya.

Difahamkan, kerja-kerja penggantian dua unit lif di Blok A, PPR Ampang Jajar yang dimulakan pada 24 Februari 2019 telah siap sepenuhnya pada 5 Februari lepas dengan kos sebanyak RM580,000.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut memaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM23 juta kepada Pulau Pinang untuk penyelenggaraan perumahan awam di bawah Projek Penyelenggaraan Perumahan (PPP).

Dalam pada itu, Rozali memberitahu bahawa KPKT juga telah meluluskan 15 projek penyelenggaraan perumahan berstrata di bawah program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) 2020 bagi MBSP dengan peruntukan berjumlah RM3.3 juta.

"Peruntukan ini adalah untuk skim-skim perumahan swasta melibatkan rumah kos rendah dan sederhana rendah.

"(Dan) kesemua projek perumahan yang mendapat peruntukan pembiayaan ini adalah perumahan yang ada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC)," jelasnya.

## Semua premis awam perlu capai kebersihan Gred A

**BAGAN JERMAL –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan bertolak ansur terhadap isu kebersihan premis awam di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran supaya semua premis awam di negeri ini perlu mencapai tahap kebersihan Gred A menjelang akhir tahun ini.




"Saya meletakkan sasaran yang tinggi kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkenaan tahap penggredan kebersihan di tempat-tempat awam seperti pasar awam, tapak-tapak penjaja, restoran serta tandas awam.

"Oleh itu, pada tahun lepas, kita keluarkan arahan supaya menjelang suku pertama tahun ini (2020), semua tempat-tempat awam terutama premis makanan naik sekurang-kurangnya mencapai Gred A dan B…kita tidak mahu lagi ada Gred C," katanya pada sidang media di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampang Jajar dekat sini 18 Februari lalu.

Menurut Jagdeep, awal tahun ini, pihaknya telah mengeluarkan arahan baharu kepada kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memastikan semua premis awam termasuk premis makanan mencapai Gred A menjelang akhir 2020.

"Saya yakin sasaran ini boleh dicapai melalui pemantauan rapi dan penguatkuasaan yang tegas oleh kedua-dua PBT," ujarnya sebagai menjawab laporan sebuah akhbar tempatan berkaitan isu kebersihan tempat-tempat makan di negeri ini yang dikatakan kurang memuaskan sehingga membawa imej negatif terhadap pelancong sepertimana dibangkitkan pada sesi *Town Hall Penang Tourism Master Plan*, 13 Februari lalu.

Dalam pada itu, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memaklumkan bahawa pada penghujung tahun lepas, sebanyak 38.31 peratus premis makanan di Seberang Perai berada pada Gred A dan B manakala bakinya pada Gred C dan tidak ada lagi Gred D.

"Pada Januari lepas, kita dapat tingkatkan tahap peratusan ini kepada 44.25 peratus melalui usaha-usaha yang dilakukan seperti mengadakan sesi *'engagement'* setiap empat bulan bersama-sama pengusaha kedai makanan milik swasta dan MBSP serta penguatkuasaan pada setiap hari.

"MBSP akan pastikan pada penghujung tahun 2020, semua premis makanan milik swasta dan kerajaan akan berada pada Gred A," jelasnya.

# Pelajar cipta sistem pantau pencemaran sungai juara cabaran IoT global

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**DATUK KERAMAT -** Pasukan pelajar Universiti Tun Abdul Razak (UTAR) yang mencipta sistem pemantauan bagi mengesan tahap awal pencemaran sebelum keadaan bertambah teruk, muncul sebagai juara bagi Kategori 'Smart Water' dalam Pertandingan Antarabangsa Cabaran IoT Keysight di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika melawat fasa dua Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL2) baru-baru ini menzahirkan ucapan tahniah atas pembentangan menarik daripada kumpulan pelajar berkaitan.

Prototaip mereka diberi nama *'IoT Detachable Woterway Monetoring Device with LoRa and Self-Sustainability'*.

"Kejayaan mereka ini menjadi suatu rekod kebanggaan buat seluruh rakyat di negeri ini juga," ucapnya yang turut serta dalam majlis ulang tahun kedua PDL2 pada 23 Januari 2020.

Turut serta, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.

Difahamkan, pasukan pelajar yang berumur 20an berkenaan adalah Lim Wen Qing, Yap Sheng Yao, Tan Kai Siang, Au Jin Cheng, dan Khor Jun Bin. Mereka menyediakan prototaip tersebut dengan nasihat serta bimbingan daripada Danny Ng.



**KETUA Menteri bersama-sama hadirin yang mengikuti sesi pembentangan mengenai prototaip *'IoT Detachable Woterway Monetoring Device with LoRa and Self-Sustainability'* merakamkan gambar kenangan bersama-sama pasukan pelajar UTAR di sini baru-baru ini.**

Pasukan tersebut merupakan antara 300 peserta dari seluruh dunia yang menyertai pertandingan antarabangsa, antaranya dari *Massachusetts Institute of Technology, Stanford University* dan *Massey University*.

Danny yang ditemui menyatakan bahawa pasukan di bawah bimbingannya terpanggil untuk mencipta prototaip tersebut ekoran terjadinya pencemaran toksik di Sungai Kim Kim pada tahun 2019 sehingga menjejaskan ribuan penduduk Pasir Gudang, Johor serta menyebabkan 111 sekolah di sana terpaksa ditutup.

Menurut beliau, prototaip yang dicipta tersebut dapat mengesan elemen pencemaran sungai pada tahap awal, untuk pelaksanaan langkah-langkah pencegahan.

"Sensor prototaip ini dapat mengesan beberapa parameter utama seperti bacaan pH, kekonduksian dan bahan pepejal cair yang diuraikan.

"Parameter ini dan beberapa (dapatan) lain boleh menjadi petunjuk pada tahap pencemaran (sungai)," jelasnya.

Dalam pada itu, Wen Qing berkata bahawa peranti hasil ciptaan pasukannya adalah untuk memantau kualiti air (sungai) secara besar-besaran.

"Secara teori, ia (prototaip) tidak mempunyai had kawasan yang dibuat pemantauan.

"Data yang dikumpulkan dari peranti ini akan akan dihantar ke pangkalan utama untuk dianalisis.

"Penggera akan diaktifkan apabila terdapat sebarang kelainan pada data dan pihak berkuasa berwajib akan dimaklumkan untuk tindakan segera yang secara tidak langsung mampu mencegah pencemaran air (sungai) daripada tercemar teruk, selain dapat menjimatkan kos," ulasnya.

Pasukan dari UTAR memenangi hadiah pertama dalam cabaran Kategori Smart Water dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak USD25,000 (RM101,737) serta peralatan ujian *Keysight Technologies* bernilai USD25,000. Majlis penganugerahan disempurnakan di New York pada 21 September 2019.

## Tambah pendapatan melalui keusahawanan digital

**BAYAN LEPAS –** Penduduk di kawasan Lilitan Sungai Ara disaran untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan digital sebagai platform untuk menambah pendapatan sampingan.



**ABDUL Halim Hussain (lapan dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama wakil berkaitan sejurus Majlis Ramah Mesra Bersama-sama Penduduk Ara Greens di sini baru-baru ini.**

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa keusahawanan digital dilihat menjadi semakin penting dalam perkembangan ekonomi kini.

"Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memberi latihan keusahawanan digital kepada 2,000 individu yang terpilih dalam meningkatkan hasil perniagaan dan menjana pendapatan tinggi pada tahun ini.

"Tahun lepas, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan telah melatih 1,092 usahawan yang mana daripada jumlah itu, menerusi pemantauan pihak berkaitan, seramai 500 daripada mereka sudah boleh menjana pendapatan kira-kira RM3,000 hingga RM8,000 sebulan.

"Untuk tahun depan, saya berhasrat melatih usahawan-usahawan digital ini menjana pendapatan dengan memaksimumkan penggunaan telefon pintar.

"Justeru, ia dilihat mampu menjana pendapatan dan menangani kos sara hidup," ucapnya pada Majlis Ramah Mesra Bersama-sama Penduduk Ara Greens, Sungai Ara di sini 23 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Azrizal Tahir; wakil dari Polis Diraja Malaysia (PDRM); persatuan-persatuan penduduk berhampiran Lilitan Sungai Ara dan badan-badan pengurusan bersama (JMB).

Tambah beliau, perkembangan teknologi pada masa kini menyebabkan rakyat memilih untuk menggunakan perkhidmatan penghantaran atas talian berbanding ke pasar-pasar.

Pada majlis sama, penduduk sekitar Lilitan Sungai Ara turut membangkitkan beberapa isu utama di kawasan berkaitan termasuk masalah parkir, perumahan dan lain-lain untuk diambil tindakan lanjut.

## Ziarah Cakna erat hubungan ibu bapa dan sekolah

**SERI DELIMA –** Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) baru-baru ini melancarkan Program Ziarah Cakna yang bertujuan mengeratkan hubungan antara sekolah dengan ibu bapa atau penjaga serta mempromosikan konsep 'sekolah peduli'.

Penolong Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut, Fadzil Sadikin berkata bahawa program tersebut dimulakan sebagai langkah untuk mengatasi masalah keciciran murid sekolah yang kebanyakannya melibatkan pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.

"Kami sangat prihatin terhadap pelajar-pelajar yang mempunyai masalah dengan kehadiran mereka ke sekolah serta yang berasal daripada keluarga kurang mampu.

"Ada di antara mereka pelajar yang cemerlang tetapi sering tidak hadir ke sekolah kerana masalah kewangan yang dihadapi keluarga.

"Justeru, melalui program ini, kami yakin dapat membantu mereka dengan lebih baik apabila mengetahui secara mendalam perihal keluarga dan pelajar pula akan lebih bersedia untuk kembali ke sekolah," katanya pada pelancaran program tersebut dekat Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Gelugor di sini 10 Februari lalu.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh serta Timbalan Pengerusi dan Pegawai Eksekutif Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye.

Pada majlis tersebut, Ramkarpal bersama-sama kakitangan dari Pejabat Daerah Timur Laut turut mengadakan lawatan ke rumah empat pelajar dari SK Bukit Gelugor.

Malah, beliau turut menyampaikan sumbangan hamper yang mengandungi barangan runcit serta RM100 kepada setiap keluarga selain memperuntukkan RM110,000 bagi tujuan penubuhan sebuah ruang digital di SK Bukit Gelugor serta menyampaikan barangan keperluan kepada 20 pelajar dari sekolah berkenaan.

Dalam pada itu, Fadzil turut menjelaskan bahawa seramai 391 pelajar dari 46 sekolah di Daerah Timur Laut mendapat manfaat daripada program 'Yayasan Pelajaran MARA' tahun ini.



**RAMKARPAL Singh (berdiri, tujuh dari kiri), pihak-pihak berkaitan dan para pelajar merakam gambar kenangan bersempena majlis pelancaran program Ziarah Cakna di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI & NOR SITI NABILAH NOORAZIS**

# PICAF sebagai acara tahunan, respons pengunjung

**PICAF 2020** atau Festival Seni Kontena Antarabangsa Pulau Pinang julung kali dianjurkan di negeri ini iaitu sejak bulan Disember 2019 hingga Mei ini.

Exco Pembangunan Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin memberitahu bahawa pemeran kontena itu diadakan di lima lokasi iaitu Kampung Terang (Balik Pulau), Persiaran Karpal Singh (Jelutong), *Prangin Mall* (George Town/Tanjong), *Aspen Vision City* (Batu Kawan) dan Dataran Pemuda Merdeka (Bagan).

Menurut beliau, seramai 12 pelukis antarabangsa dan tempatan terlibat dalam menyiapkan mural pada kontena-kontena PICAF.

"Setiap mural yang dipamer menonjolkan identiti serta ciri-ciri kenegerian Pulau Pinang demi mewujudkan perasaan kepunyaan dalam kalangan masyarakat, juga pengunjung di negeri ini.

"Mural di Batu Kawan diilhamkan oleh dua pelukis iaitu Emmanuel Jarus dari Kanada dan Caryn Koh (Kuala Lumpur).

"Bagi mural ini, ia memaparkan kehidupan seorang nelayan persisir pantai yang bersedia untuk turun ke lautan selat yang memisahkan bahagian tanah besar Seberang Perai dan (bahagian) pulau," jelasnya pada Majlis Perasmian Pelancaran PICAF Batu Kawan dekat Bukit Tambun di sini 8 Februari lalu.

Mural kedua di lokasi sama, menurut Soon Hin adalah bertemakan *'Connection'* yang mengisahkan sahabat baik Caryn yang sedang duduk tenang sambil memegang dandanan tali berwarna merah.

"Kedua-dua lukisan (mural) di sini menonjolkan bahawa semua orang boleh memberi sumbangan kepada kehidupan bermasyarakat," ujarnya yang juga yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Beliau dalam pada itu turut mengalu-alukan para penggemar media sosial supaya merebut peluang mengabadikan gambar kenang-kenangan di kelima-lima lokasi PICAF bersempena penganjuran berkenaan.

ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Ketua Pegawai Eksekutif CAN CAN Public Art, Tan Chow Whye turut sertai Soon Hin pada majlis perasmian tersebut.

Sementara itu, rata-rata responden menyambut baik inisiatif penganjuran PICAF kini.

Bahkan, mereka mengesyorkan tempoh penganjurannya dilanjutkan sehingga ke akhir tahun.

Nada tersebut diluahkan oleh seorang pelajar, **NUR ALIA AFRINA**, 23.



NUR Alia Afrina.

"Saya dimaklumkan bahawa acara ini adalah yang pertama seumpamanya diadakan di Pulau Pinang.

"Oleh itu, secara peribadi, bagi saya, (PICAF 2020) ini adalah pesta yang hebat kerana kita boleh menghargai keunikan (mural) pada kontena dengan lebih dekat di lokasi-lokasi strategik sekitar Pulau Pinang.

"Pada masa sama, saya anggap festival ini boleh mempromosi negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan, sambil menambah nilai warisan tempat terpilih untuk acara seumpama ini," katanya.



MUHAMMAD Fariez Jamaludin.

Bagi pereka grafik, **MUHAMMAD FARIEZ JAMALUDIN**, 26, pameran mural kontena PICAF di Dataran Pemuda Merdeka memang menambahkan lagi tarikan pengunjung ke kawasan Butterworth.

"Saya selalu berjoging di Dataran Pemuda Merdeka pada setiap malam, kerana saya tinggal di Butterworth, berhampiran kawasan pameran (mural) ini.

"Daripada apa yang saya lihat, biasanya terdapat ramai orang datang ke tapak (pameran mural) kontena ini pada tiap-tiap petang, terutama pada hujung minggu untuk merakamkan gambar kenang-kenangan.

"(PICAF 2020) ini adalah inisiatif yang sangat baik daripada Kerajaan Negeri bagi mempromosi kawasan (Bagan) ini," ulasnya.




YEOH Soon Hin (tengah), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, ahli jawatankuasa dan wakil-wakil berkaitan pada Majlis Perasmian Pelancaran PICAF Dataran Pemuda Merdeka di sini baru-baru ini.



MUHAMAD Syahmi Amri.

Juruteknik, **MUHAMAD SYAHMI AMRI**, 25, memberitahu bahawa pada penganjuran PICAF akan datang, diharap pihak penganjur dapat menambah lebih banyak bongkah kontena dengan lukisan mural yang pelbagai.

"Saya berharap pihak penganjur dan Kerajaan Negeri dapat menambah lebih banyak bongkah kontena ke lokasi-lokasi baru, (kelak).

"Mungkin selepas pameran (PICAF 2020) ini, pameran (akan datang) diperluaskan ke 10 atau 15 lokasi (tambahan dan baru) lain.

"(Syor) ini sekaligus akan memberi peluang kepada penduduk-penduduk di kawasan lain untuk melihat keunikan karya seni (mural) semasa PICAF berlangsung," jelasnya.

Dari aspek lain, suri rumah, **BHAVANA DEWI RAVICHANDRAN**, 47, berharap penganjuran PICAF 2020 dapat dilanjutkan sehingga selepas bulan Mei 2020.

"Seperti yang kita tahu, Festival PICAF (2020) berlangsung selama beberapa bulan sahaja, ia mungkin tidak mencukupi.



SALAH satu mural yang terdapat di Dataran Pemuda Merdeka Bagan .



BHAVANA Dewi Ravichandran.

"Maka, elok tempoh penganjuran dilanjutkan atau menjadikan festival ini sebagai acara tahunan (negeri) demi memastikan orang awam yang 'rindukan' PICAF dapat kembali ke lokasi-lokasi berkaitan untuk merakamkan gambar-gambar memori indah," ujarnya.

Bagi pengusaha kedai runcit, **LEONG MING SHEN**, 49, beliau turut berpendapat bahawa PICAF memang patut dianjurkan tiap-tiap tahun kerana acara tersebut ternyata menarik lebih ramai pengunjung ke tapak penganjuran.

"Selain mempromosi beberapa lokasi di Pulau Pinang dengan acara (PICAF 2020) ini, kebelakangan ini saya perhatikan terdapat peningkatan pengunjung ke Butterworth, berhampiran tapak pameran mural kontena.



LEONG Ming Shen.

"Ini, sangat baik untuk peruncit macam saya sekiranya terdapat peningkatan pengunjung di sekitar kawasan ini.

"Malah, perayaan (PICAF 2020) ini juga dapat mewujudkan kesan pengganda (secara) impak ekonomi yang lebih bagus kepada peniaga seperti kami.

"Oleh itu, saya sendiri berharap festival seumpama ini dapat diteruskan pada tahun hadapan," ulasnya.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(F) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Azmi bin Alang<br>annzaley15@gmail.com | (T) 017 - 585 5457<br>019 - 444 6600 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek bin Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN)<br>( BUTTERWORTH) | 04-210 2363<br>04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abidin | 017 - 938 9192 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Heng Yeh Shuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 011 - 1119 4419 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Siti Shahanis Md. Sharif | 010 - 369 5641 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamoorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | U. Jagatisan | Seberang Perai Selatan | | 010 - 563 2279 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Andrew Chua Thian Chai | 016 - 485 0031 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azly Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz | 019 - 470 0357 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Inap desa Kampung Agung UNIK!



PENULIS di sebuah lagi rumah inap desa di tepi sawah padi. Menarik!

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**DATANG** ke Inap Desa Kampung Agung, cukup berbaloi.

Berasa seakan-akan melancong ke beberapa pusat peranginan di Bali, Indonesia.

Suasana kampung dalam ladang pokok kelapa yang menghijau, berteman sawah padi yang terbentang luas, sangat mendamaikan.

Lebih menarik sekiranya merakamkan gambar bersama-sama replika sarang burung tempua gergasi, ada dua jenis iaitu untuk jantan dan betina.

Ada juga replika sarang burung helang.

"Asalnya kawasan (Inap Desa Kampung Agung) ini adalah ladang kelapa sawit dan kawasan sawah padi.

"Semua (replika) ini kita sendiri yang buat atau dipasang di sini.

"Ilham daripada banyak kawasan pelancongan yang kita layari di internet, gubahan dan ilham daripada beberapa pihak juga sebenarnya.

"Kalau di Bali, ada rumah inap di atas pokok, di sini ada replika sarang burung gergasi untuk kita rakam gambar sahaja.

"Inap Desa...ada juga untuk merasai suasana sebenar hidup di kampung," kata wakil pengusaha kawasan Rumah Inap Desa Kampung Agung baru-baru ini.

Kedudukannya di Penaga 2 dekat Kepala Batas, Rumah Inap Desa Kampung Agung tersebut berada bertentangan dengan Masjid Jamek Bakar Kapur di sini.

Caj masuk untuk menikmati keindahan kawasan pelancongan di sini hanya serendah RM5 seorang.

Selain replika sarang burung gergasi, sebenarnya ada banyak lagi tarikan unik di sini antaranya, rumah inap desa.

"Replika rumah kampung tradisional di sini pun bukan asal di kawasan ini, tapi kita pasang semula rumah papan serta atap nipah di sini untuk pengunjung tahu.

"Buat masa ini, sebuah rumah inap desa yang ada pun tidak dibuka untuk sewa.

"Kalau dahulu, sewa serendah RM120 sehari semalam, yang mana pengunjung turut berpeluang merasai pakej makanan ala kampung, tiga kali makan sehari di sini.

"Ketika ini, kita sedang membina sebuah lagi rumah inap dan akan siap pada pertengahan tahun ini... kadar sewa mungkin atas RM200 (bagi sehari semalam).

"Pada masa hadapan, akan dibina lapan lagi rumah inap desa dengan pelbagai pemandangan termasuk sawah padi yang terbentang hijau dan luas, juga dalam ladang pokok kelapa ini," jelasnya.

Di bawah rumah inap desa sedia ada, ada permainan congkak.

Kalau nak merasai sendiri pengalaman menghempuk padi, di bawah rumah inap beratap rumbia sama juga ada jentera tradisional untuk sesi merakam gambar kenang-kenangan.

Di belakang rumah inap desa sama, ada tasik teratai yang indah.

*(Bersambung di muka 15).*



ORANG-ORANG, replika patung diwujudkan oleh pesawah tradisional dahulu bertujuan memelihara tanaman padi daripada diserang habitat tertentu.



LADANG kelapa yang luas dan bersih di Inap Desa Kampung Agung.



SEBUAH keluarga dari Alor Setar, Kedah, merakam gambar kenang-kenangan di dalam replika sarang burung helang.

*(Sambungan dari muka 14).*

Tak jauh dari sini, terbentang luas sawah padi menghijau, dengan ditemani sepasang orang-orang.

Nak merasai turun ke sawah, bercucuk tanam, memang boleh di sini.

Kalau nak gambar kenang-kenangan lebih unik juga, pengunjung boleh sahaja menyewa pelbagai busana tradisional dan replika tertentu dengan pelbagai harga.

Berpatutan. Kadar sewa pakaian antara RM5 hingga RM10 sahaja.

Dari satu sudut lain, pengunjung berpeluang merakamkan gambar bersama-sama replika piano putih dengan latar belakang sawah padi yang menghijau.

Di sini juga ada dua buaian, yang bergantung di antara pohon-pohon kelapa.

Pendek kata, sebenarnya banyak lagi pengalaman menarik boleh ditempuhi di sini dengan bayaran masuk RM5 untuk satu kepala.

**WAN GHAZALI WAN ALI**, 34, merupakan antara pengunjung yang ditemui di sini baru-baru ini.

Beliau bersama-sama isteri, Nurul Aidil Putri Ismail, 33, dan dua cahaya mata, Wan Muhammad Affan Adeeb, 5, dan Wan Nurul Awlia Az-Zahrah, 3.

Mereka tinggal di Kuantan, Pahang.

Mereka mengambil kesempatan melawat Rumah Inap Desa Kampung Agung, setelah ia tular mengenai keunikan kawasan pelancongan tersebut di media sosial baru-baru ini.

"Memang berbaloi datang ke sini, lain daripada yang lain, sangat sesuai untuk keluarga merakamkan gambar kenang-kenangan dengan pemandangan indah serta unik ala kampung tradisional," ujar Wan Ghazali.

Menurut pengusaha Inap Desa Kampung Agung lagi, di sini turut mempunyai lebih 10 wakaf untuk disewa oleh pengunjung dengan harga RM5.

"Boleh bawa makanan ke sini, sewa wakaf RM5 sahaja, duduk berkelah bersama keluarga sambil ditiup angin padang (sawah padi) di ladang kelapa ini," ulasnya.

Tambah beliau, pihaknya seboleh-boleh mahu Inap Desa Kampung Agung berkaitan menjadi identiti bersama penduduk setempat, selain merancakkan ekonomi rakyat di sini.

"Macam pemimpin Kerajaan Negeri selalu kata 'sektor pelancongan adalah salah satu enjin ekonomi negeri', kita pun sedaya-upaya menjadikan Inap Desa Kampung Agung sebagai daya tarikan pengunjung ke kawasan ini.

"Apabila pengunjung ramai ke sini, ia merancakkan (kitaran) ekonomi rakyat," katanya sambil memberitahu bahawa 100 peratus pekerja di Inap Desa Kampung Agung adalah anak tempatan.




**I ♥ Kg. Agung, papan tanda di ruang masuk utama ke Inap Desa Kampung Agung.**



**DUA pengunjung mengambil kesempatan bermain congkak tradisional di bawah rumah inap desa di sini baru-baru ini.**



**SEKUMPULAN pelancong merakamkan gambar kenangan di tasik teratai.**



**RAKAMAN gambar kenangan sebuah keluarga di replika sarang burung gergasi yang menjadi salah satu tumpuan utama.**

# UTC Komtar jangka beroperasi Jun

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang dijangka beroperasi dan dibuka pertengahan tahun ini bakal memberi kemudahan kepada orang ramai menjalankan pelbagai urusan di bawah satu bumbung.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, kerja-kerja menaik taraf yang dilakukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kini berjalan lancar.

"Saya difahamkan kerja-kerja pengubahsuaian kini telah melebihi 80 peratus dan akan siap sepenuhnya Mac ini sebelum diserahkan kepada Kementerian Kewangan untuk membangunkan kelengkapan, sistem dan susun atur perabot.

"(Dan) UTC ini akan dibuka kepada umum menjelang Jun tahun ini iaitu di Tingkat 2 dan Tingkat 3, Fasa 2 Komtar dengan 13 agensi kerajaan bakal beroperasi," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini 18 Februari lalu.

Menurut Lai Heng, pembukaan UTC kelak bukan sahaja memberi impak positif, malah ia juga sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk merejuvenasikan semula Bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) serta kawasan sekitar.

"Selain 13 agensi Persekutuan yang akan memulakan perkhidmatan mereka, UTC ini juga akan membolehkan orang ramai, khasnya rakyat Pulau Pinang di bahagian pulau untuk berurusan dengan agensi-agensi Negeri.

"Ia memberi kemudahan kepada rakyat kerana (ia) bakal berfungsi sebagai pusat sehenti yang menghimpunkan pelbagai kaunter perkhidmatan kerajaan di dalam satu bangunan," katanya yang menyambut baik inisiatif tersebut.

Difahamkan, antara 13 agensi yang disebut-sebut akan memulakan perkhidmatan di UTC Komtar kelak adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Kesihatan, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Tenaga Nasional Berhad, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Penerangan, JOBS Malaysia dan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Mengulas lanjut, Lai Heng menyatakan bahawa sejak papan tanda UTC dinaikkan pada pertengahan Februari lalu, ramai yang mula tertanya-tanya.

"Malah telah tersebar mengenai kewujudan UTC pertama negeri di Komtar ini, dan ia merupakan petanda baik kerana bakal membawa limpahan pengunjung ke sini.




UTC dijangka beroperasi Jun ini di mercu tanda Pulau Pinang, bangunan Komtar.



TEH Lai Heng.




KERJA-KERJA penarafan giat dijalankan.

"Dalam masa sama, lot-lot komersial di sekeliling Komtar (yang sebelum ini kosong) akan mula terisi," jelasnya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

Bercerita mengenai pemilihan Komtar sebagai lokasi pembangunan UTC, Lai Heng memberitahu bahawa sebelum ini Kerajaan Negeri menyenaraikan beberapa lokasi yang berpotensi untuk dipilih oleh Kementerian Kewangan.

"Malah, dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) saya turut menyuarakan kesesuaian sekiranya memilih Komtar sebagai lokasi pembangunan UTC pertama di Pulau Pinang.

"(Dan) dengan pertimbangan Ketua Menteri, PDC dan juga Menteri Kewangan, akhirnya Komtar dipilih sebagai lokasi UTC," ulasnya.

Dalam pertemuan itu, Lai Heng turut menyuarakan cadangan beliau untuk mewujudkan Sudut Perpustakaan Digital di UTC Komtar.

"Saya telah kemukakan cadangan ini kepada Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow (Ketua Menteri) untuk pertimbangan dan kita akan lihat bagaimana nanti.

"Rasional cadangan ini adalah bagi membolehkan orang awam yang mendapatkan perkhidmatan di UTC Komtar ini supaya meluangkan masa di sudut disediakan bawah inisiatif *Penang Digital Library*, dengan konsep santai dan berbeza daripada perpustakaan sedia ada.

"Sambil menunggu giliran untuk berurusan mahupun setelah selesai urusan, mereka (pengunjung) boleh ke sudut ini," ujarnya.

Sebagai rekod, setakat ini, Pulau Pinang hanya mempunyai Pusat Transformasi Luar Bandar dikenali sebagai RTC di Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan. Meskipun terdapat 22 UTC di seluruh negara, UTC di Komtar merupakan yang terbaharu dalam senarai.

Secara umum, UTC mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan swasta. Antara perkhidmatan yang ditawarkan di UTC adalah perkhidmatan kebajikan, pembangunan masyarakat, pendidikan, latihan, pekerjaan, pembangunan perniagaan dan keusahawanan, kesihatan, keselamatan serta utiliti.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11154
Peminjam : MUHAMMAD HAFIZ BIN ABU BAKAR - 84020914****
NO. 801 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : MUHAMMAD HUSAIRI BIN ABU BAKAR - 76031607****
NO. 801 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU,
Penjamin 2 : MOHAMMAD NAJIT BIN ZAKARIAH - 84032207****
5525 KAMPUNG CHEGAR, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 11170
Peminjam : HARDEV SINGH A/L HARPAL SINGH - 82090408****
PEJABAT RKPBV NEGERI, ARAS 7 BANGUNAN PERSEKUTUAN, JALAN ANSON 10400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : HARPAL SINGH A/L RATTAN SINGH - (MENINGGAL DUNIA)
3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : BULAWAN KAUR A/P GEJA SINGH - 54062008****
3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11189
Peminjam : MOHAMMAD SYUKRI BIN BADARUDDIN - 89031107****
NO. 26 JALAN NIPAH, TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : BADARUDDIN BIN MD HASSAN - 55040108****
NO. 26 JALAN NIPAH , TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : ZAHIRUDDIN BIN BADARUDDIN - 83052907****
11A TINGKAT PASIR BELANDA 4, TAMAN CAHAYA, TELUK KUMBAR 11960 PULAU PINANG

No Akaun : 11191
Peminjam : ONG PENG KUN - 88101807****
63B-17-16 SYMPHONY PARK, JALAN LENGGONG 11600 GEORGETOWN
Penjamin 1 : ONG CHIN HOCK - 54021407****
63B-17-16 SYMPHONY PARK, JALAN LENGGONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM POH CHOON - 77090507****
244 E-2-2 TAMAN CEMERLANG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11194
Peminjam : INTAN NUR FARRAH BT RAHMAT - 87103035****
SK STAPOK 216A, JALAN SEGEDUP, BATU KAWA 93250 SARAWAK
Penjamin 1 : FARIDAH BINTI MD SAID - 56021301****
MBP 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYENGAT, PARIT JAWA 83610 MUAR, JOHOR
Penjamin 2 : MUSALMAH BINTI MOHD SAID - 65010601****
NO. 53 JALAN LANGSAT, TAMAN SULIR, PEKAN JABI 85000 SEGAMAT, JOHOR

No Akaun : 11199
Peminjam : NOR AKMA BINTI MOHD RAWI - 88062007****
DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOOR RAZILA BINTI MOHD RAWI - 84030307****
DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOOR PAZIRA WIZUANA BINTI MOHD RAWI - 82102307****
DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG

No Akaun : 11201
Peminjam : NOOR ISMAIL B. MOHD YUNUS@ZAKARIA - 85051907****
16, JALAN SUASA 2, TAMAN SUASA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : NOORASHIKIM BINTI NOORDIN - 75122407****
20 LORONG BENTARA 22, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NUR HAFIZAH BINTI HARON - 81060507****
NO. 14 LORONG SHAHBANDAR 41, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11203
Peminjam : NABILA TASYA BINTI YAHYA - 89081607****
NO. 50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : NUR MUHARNI BINTI MOHAMED - 81102805****
10-13-12 FLAT PINANG EMAS, JALAN SUNGAI SATU, BATU FERRINGHI 11100 PULAU PINANG
Penjamin 2 : FATMAZURYANTI BINTI KHAIRULDIN - 83040713****
50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 11204
Peminjam : NOR ASLINA BT ISMAIL - 82022608****
KIRI 858 MUKIM 11 , KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MARZUKHE BIN ZULKIPLE - 79031907****
KIRI 858 MUKIM 11, KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORASSIMA BINTI ISMAIL - 83093008****
697 MK 11, KAMPUNG BUKIT 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11206
Peminjam : KOSSHLAVANI A/P MACHEREGAN - 85102207****
47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : MACHEREGAN A/L RENGASAMY - 51052307****
47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : JAYANTHARAAN A/L MACHEREGAN - 81120107****
47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 11209
Peminjam : LAU KAI XIANG - 89051307****
1-C JALAN GOTTLIEB, GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LAU MENG - 49120807****
NO.1-C JALAN GOTTLIEB 10350 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM CHAI HON - 79050607****
BLOK A-2-5 TAMAN SRI SETIA, VALE OF TEMPE, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG

No Akaun : 11210
Peminjam : KOO HUAI HONG - 87031935****
A 142 LORONG MUTIARA 2/1, TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : KOO SOON HOCK - 57120907****
A 142 LORONG MUTIARA 2/1 , TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : KHAW SOON HAK - 73031907****
NO. 5 LORONG SELAYANG PERMAI 11, TAMAN SELAYANG PERMAI 13020 BUTTERWORTH

No Akaun : 11212
Peminjam : PARAMASWARI A/P RAJAGOPAL - 86032535****
86-07-16 DESA INDAH, PESIARAN PAYA TERUBONG 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : PARVATHY A/P KARUPPAYA - 69081602****
VILLA KEJORA, BLOK 1-13A-3A HILIR PAYA TERUBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAJAGOPAL A/L KARUPPAYA - 55032702****
86-7-16 PERSIARAN PAYA TERUBONG 2, TAMAN INDAH RELAU 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11213
Peminjam : SHAREENA BT JASNI - 82122007****
NO. 12A JALAN PERMATA BARU 1, TAMAN PERMATA BARU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ROZLAN BIN ABDUL RAHMAN - 74051907****
NO.1189 JALAN BUTTERWORTH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NURUL AZWA BINTI SAIMAN - 80080702****
NO. 314 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH, LUNAS 09600 KEDAH

No Akaun : 11216
Peminjam : OOI SEN YONG - 89031607****
63A-16-6 JALAN LENGGONG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : OOI LYE AUN - 64040407****
63A-16-6 JALAN LENGGONG 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : OOI SOO YONG - 85020607****
63A-16-6 JALAN LENGGONG 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 11220
Peminjam : LIM CHENG MEI - 91062607****
14-E PINTASAN CECIL 1, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH JIN HUAT - 80111107****
BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIR, JALAN BUKIT GAMBIR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM CHENG IM - 83082307****
BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIR, JALAN BUKIT GAMBIR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11230
Peminjam : KHAIRUN NISAK BINTI SAAD - 87080435****
4043 PERMATANG KERAI BESAR 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : IDRIS BIN KADIR - 67070107****
NO. 3955 GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SAAD BIN AHMAD - 57042707****
NO. 4043 PERMATANG KERAI BESAR 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11232
Peminjam : TAMIL ALAGAN A/L SUPRAMANIAM - 87031207****
2-02 PANTAI APARTMENT, JALAN WISMA PANTAI 1, KAMPUNG GAJAH 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MEHGALA A/P A MURUGAIA - 71111108****
6 JALAN BAGAN 45, TAMAN BAGAN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SUTHAKAR A/L PERUMAL - 79071707****
11A JALAN BAKAWALI 4, TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 11236
Peminjam : YUSMIM BINTI OMAR - 86110135****
TS 8901 GELUNG BUBU, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : JULIA BINTI OMAR - 77020307****
IBU PEJABAT POLIS DAERAH YAN 06900 YAN, KEDAH
Penjamin 2 : JURIAH BINTI OMAR - 84020107****
TS 8901 GELUNG BUBU, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH

No Akaun : 11238
Peminjam : NURUL SAHADA BINTI MOHAMAD NOR - 86010307****
NO. 26 JALAN BUNGA KEKWA 2/12, SEKSYEN 2, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 1 : KHAIRUN BIN MOHAMAD NOR - 76021108****
187 KM 4 PERSIARAN HAMZAH ALANG, MERU, KAPAR 42200 SELANGOR
Penjamin 2 : ZANRIAH BINTI TOHA - 60061310****
187 KM 4 PERSIARAN HAMZAH ALANG, MERU, KAPAR 42200 SELANGOR

No Akaun : 11240
Peminjam : AZIE RAZNIE BINTI ABDUL GHANI - 89080602****
756-B, BLOK J,TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ABDUL GHANI BIN H CHE MEH@H MAN - 66082802****
756-B BLOK J, TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL NIZAM BIN ABD LATEH (T722054) - 81041002****
NO. 24 JALAN GEMILANG 9, TAMAN BUKIT GEMILANG 81300 SKUDAI, JOHOR

No Akaun : 11244
Peminjam : CHAN CHUN MING - 80081907****
1-12-03 TAMAN LONE PINE, LEBUH RAMBAI 14, PAYA TERUBONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHAN CHUN KUANG - 81110107****
1-12-03 TAMAN LONE PINE, LEBUH RAMBAI 14, PAYA TERUBONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM CHENG KEAT - 80012007****
1-12-11 LORONG BIDOR, SUTERAMAS 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11247
Peminjam : TAN MIN CHIE - 81121907****
21 JALAN SERI SG. LONG 7, TAMAN SERI SG. LONG, KAJANG 43200 SELANGOR
Penjamin 1 : NG KEE SOON - 66032508****
21 JALAN SERI SUNGAI LONG 7, TAMAN SERI SUNGAI LONG 43200 BATU 9 CHERAS, SELANGOR
Penjamin 2 : PHOON HONG BOON - (MENINGGAL DUNIA)
362-10-3, GAT LEBUH MACALLUM 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 11248
Peminjam : MOHAMAD FIDZWAN BIN MAHMAD FAZIL - 90090507****
NO. 3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU(UDA), JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : FAEZAH BINTI MAHMAD FAZIL - 81013007****
3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU (UDA), JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : MOHAMAD FAIZAL BIN MAHMAD FAZIL - 85061607****
3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU (UDA) , JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11252
Peminjam : ASRIN BIN ALIAS - 89070707****
NO. 67JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : AZLINA BINTI ALIAS - 80041407****
NO.2886 PERMATANG SINTOK 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : AZIZAH BINTI AHMAD - 52070707****
67 JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11254
Peminjam : AHMAD KHAIRI ASWAD BIN ISHAK - 86080635****
5462 KAMPUNG NYIOR SEBATANG 13300 TASIK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : ISHAK BIN SAAN T - RF69***
IBU PEJABAT POLIS DAERAH , KUALA MUDA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : SITI NORSHAHBANDI BINTI ABU BAKAR - 77071214****
B-14-04 BLOK B PANGSAPURI BUKIT BARU, JALAN KERAMAT HUJUNG 54000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 11264
Peminjam : ANUAR SHAH BIN ARIPPIN - 83050707****
BLOK 9-6-5 , JALAN TENGAH, BAYAN LEPAS 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ARIPPIN BIN MAT - 54071808****
BLOK 9-6-5 JALAN TENGAH 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROHAIYU BINTI RAMLI - 76082501****
2A-5-17 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 11265
Peminjam : NUR NASIHAH BT AHMAD KAMAL - 89072507****
210 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : AHMAD KAMAL BIN AHMAD - 62040707****
NO.210 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : MARIAM BINTI AHMAD - 72012107****
25 LORONG PAUH JAYA 3/3, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11273
Peminjam : LING YEE KOON - 90011007****
100-2-5 JALAN RAWANG 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CH NG YEE CHENG - 77062508****
NO.38 TAVOY CLOSE 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LING YEE KANG - 83102207****
NO.100-2-5 JALAN RAWANG 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 11280
Peminjam : AIZAT MAZNI BINTI MD YUSOP - 89031307****
NO. 37 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : AZURA MASNI BINTI MD YUSOP - 75081607****
186 JALAN KS 4, KULIM SQUARE, LUNAS 09600 KEDAH
Penjamin 2 : AIDA MASWANI BINTI MD YUSOP - 77021207****
36 LORONG SUTERA 3, TAMAN SUTERA 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 11285
Peminjam : MUHAMMAD HIFZAILI BIN AHMAD HAFNI - 84101814****
NO 8, JALAN DBI 14, TAMAN DESA BUKIT INDAH 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR
Penjamin 1 : ZULKARNAIN BIN AHAMAT@AHAMAD - 84081814****
NO. 51 JALAN SS 3/5T, TAMAN SUBANG, PETALING JAYA 47300 SELANGOR
Penjamin 2 : SHAHIR ALBAKRI BIN MUSTAFA ALBAKRI - 84052707****
37 JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11287
Peminjam : NOOR AQIDAH BINTI ABDUL SATAR - 85112707****
NO. 8 JALAN NURI 7/19A, SEKSYEN 7, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : THOHARAH BINTI MUSA - 59112402****
P-3-2 PANGSAPURI TANJUNG TOKONG , FASA 4A, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HAZIZAH BINTI HARIS - 59101210****
43 LORONG NELAYAN 1, TELUK BAHANG, BALIK PULAU 11050 PULAU PINANG

No Akaun : 11293
Peminjam : NG SHOAK LENG - 89112707****
39-2-2, TINGKAT PAYA TERUBONG 4, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHAN CHOONG FOO - 68072307****
32-25-12 THE PULSE, LORONG KAKI BUKIT, TAMAN BUAH PALA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHAN CHOY HOONG - 72051007****
39-2-2 TINGKAT PAYA TERUBONG 4, 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 11295
Peminjam : SHAMANI A/P GUNASEGARAN - 88012607****
BLOK 5-15-01 SRI IVORY, LENGKOK ANGSANA, BANDAR BARU AYER ITAM 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MAHESH A/P GUNASEGAREN - 86032335****
348-4-1 SRI CAHAYA APARTMENT, JALAN AYER ITAM, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SOORIAKUMAWR A/L MUTHUVELU - 53092707****
5-7-01 SRI IVORY, LENGKOK ANGSANA, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11296
Peminjam : SITI AMINAH BINTI KHALIB - 82061008****
TS 5940 KAMPUNG BARU ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : AZIZAH BINTI KHALIB - 84082807****
TS 5940 KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KHALIB BIN HASHIM - 51101107****
TS 5940 KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11299
Peminjam : GEE WEI FUN - 86022435****
83-A BRICK KILN, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOON KIM LAI - 82051207****
21-4-15 TAMAN LONE PINE, LEBUHRAYA THIEN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KHAW KEAN HOCK - 64062207****
NO.83-A JALAN BRICK KILN 10300 PULAU PINANG




# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11300
Peminjam : SURIA BINTI SEENI SHAHUL HAMEED - 90062706**** B-7-11 JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : FATIMAH VASANDI BINTI ABDULLAH - 65010607**** B-7-11 JALAN SUNGAI 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZURIDA BINTI MUSTAPHA - 59112002**** NO.69 JALAN YORK 10450 PULAU PINANG

No Akaun : 11310
Peminjam : GUNASILAN A/L RAJA MANICKAM - 85121626**** NO. 127 TINGKAT SERINDIT 5, TAMAN DESA JAWI 14300 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : SIVA SANGKARI A/P RAJA MANICKAM - 82071402**** NO. 17 LORONG 13/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : ELAVEYNI A/P SOMASUNDRAM - 61082175**** BLOK D, TINGKAT 2, NO.10 , RUMAH PANGSA TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 11313
Peminjam : AHMAD ASYRAF MERICAN B MOHD IBRAHIM MERICAN - 85120907**** 7C-3A-9 NIPAH COURT, JALAN SRI TANJUNG PINANG 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD IBRAHIM MERICAN B MOHD NAINA MERICAN - 51122307**** 7C-3A-9 PANGSAPURI NIPAH COURT, JALAN SRI TANJUNG PINANG 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD MUKHLIS MERICAN B MOHD IBRAHIM MERICAN - 83120907**** 7C-3A-16 PANGSAPURI NIPAH COURT, JALAN SERI PINANG, TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 11314
Peminjam : MAZIDAH BT JAMALUDIN - 87122935**** 9990 JALAN AIR MELINTAS BESAR, KAMPUNG POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN ABD HAMID - 50022707**** NO. 4 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HAJI MOHD AMIN, KG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : AHMAD KAMIL BIN JAMALUDIN - 75090607**** NO. 38 LORONG ILMU 10, TAMAN ILMU 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 11316
Peminjam : IDAYU BINTI AHMAD - 79061807**** SMK DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SHAHIRAN BIN MOHAMED - I16*** 2 TINGKAT SIAKAP 17, 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2 : MOHD ASRUL BIN AHMAD - 78082203**** 2 TINGKAT SIAKAP 17, 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 11317
Peminjam : RADZQUSYAIRI BIN ABDUL RAZAK - 87122107**** F-G-4 MELATI APARTMENT, LEBUH BUKIT KECIL 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : RADZMAN BIN ABDUL RAZAK - 67011111**** 6-10-1 LINTANG KG MASJID 1, TAMAN KUMBAR PERMAI, TELUK KUMBAR 11020 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RADZUAN BIN ABDUL RAZAK - 69061607**** 2D-08-02 PANGSAPURI BAYAN PERMAI 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11321
Peminjam : MOHD RAFIZAL BIN RAZALI - 79102207**** 573 MK E TITI TERAS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAZALI BIN IDRIS - 42111107**** NO.573 MUKIM E, TITI TERAS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD RUNZI BIN RAZALI - 68111007**** SEBELAH 334 MUKIM E, TITI TERAS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11323
Peminjam : KAVIGTHA A/P MOHAN KUMAR - 84112907**** NO. 10 LINTANG BUKIT PENARA 6, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : S NAGARATHINAM A/L A SIVAPERUMAL - 68062607**** NO.41 LORONG BUNGA RAYA 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SYAMALATHEVI A/P GOVINDARAJOO - 73082507**** NO.41 LORONG BUNGA RAYA 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 11337
Peminjam : NUR HAZLIZA BINTI SA ADIN - 82050507**** 618 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : SA ADIN BIN KADIR - 59031907**** NO.5643 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : AMRAN BIN KADIR - 69052907**** NO.9848 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 11342
Peminjam : MOHD NOOR REDZA BIN MOHD RADZUAN - 85011702**** A23A-20 PERUMAHAN PENJAWAT AWAM (PPAM), TASIK METROPOLITAN KEPONG, 51200 JALAN LINGKARAN TENGAH 2, KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : MOHD RADZUAN BIN HUSAIN - 55100606**** 6 LORONG RAJAWALI 3 , TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : UMI KALSOM BINTI SARIPUDIN - 85022808**** 2-0-1 KUARTERS DBKL, JALAN 3/34A, PEKAN KEPONG 51200 KUALA LUMPUR

No Akaun : 11343
Peminjam : AHMAD IFTYAZANI BIN ZAMBERI - 91052007**** 1256R JALAN PAYA TERUBONG 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAMBERI BIN HAMZAH - 67052410**** NO 28 TAMAN BERTAM PERDANA 3, LORONG SHAHBANDAR 43, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : RAHAYA BINTI ABDUL SAMAD - 67110507**** NO 28 TAMAN BERTAM PERDANA 3, LORONG SHAHBANDAR 43, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11344
Peminjam : MOHAMAD RASHIDI BIN ZAINAL ABIDIN - 82070407**** 46-2B TAMAN BAGAN JERMAL, JALAN KAMPUNG GAJAH 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MAZNAH BINTI DIN - 48092407**** 46-2B TAMAN BAGAN JERMAL, JALAN KAMPUNG GAJAH 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SITI MARIAM BINTI SAAD - 80122507**** 46-2B TAMAN BAGAN JERMAL, JALAN KAMPUNG GAJAH 12200 BUTTERWORTH

No Akaun : 11347
Peminjam : NUR HAFIALIA BINTI ABDUL MANAF - 90060308**** NO.43 TAMAN MELOR, JALAN JUNJUNG 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : ABDUL MANAF BIN ABDULLAH - 53030602**** NO.4 TAMAN KENNEDY, JALAN MASJID NEGERI 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMAD YUSRI BIN YUSOFF - 65123007**** 5-1-09 JALAN BATU UBAN 3, FLAT DESA RIANG, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11357
Peminjam : MAZIDAH BINTI MAT REJAB - 85031707**** 789 PERMATANG TINGGI C 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAHAYA BINTI MAT REJAB - 67111307**** NO. 2 LORONG BERTAM INDAH 32, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHAMAD YUSUF BIN JAMIL - RF171*** NO.196 A KAMPUNG BARU, JALAN SUNGAI TIANG 06750 PENDANG, KEDAH

# Bangunan baru FMM Pulau Pinang bakal lengkap kemudahan STEM

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, dif-dif jemputan khas dan wakil-wakil penganjur menyempurnakan gimik perasmian majlis pecah tanah bagi pembinaan bangunan baru FMM Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA** – Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) Pulau Pinang menyasarkan untuk siapkan pembinaan bangunan baru bernilai RM6.5 juta menjelang akhir tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Dr. Ooi Eng Hock berkata bahawa kerja-kerja pembinaan bangunan tiga tingkat dekat Lebuh Tenggiri 2, di sini dijadualkan siap dalam tempoh masa sembilan bulan.

"Bangunan baru yang terletak di atas tanah seluas 1.5 ekar di belakang premis sedia ada kini bakal menempatkan pejabat pentadbiran baru, pusat latihan dan dewan serba guna.

"Serentak itu, kawasan ini juga bakal dibina dengan keluasan yang mampu menampung kira-kira 500 orang, tempat letak kereta (110 lot) serta ruangan pameran mini.

"Sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), lobi yang anggun, kafe pandu lalu, bumbung menggunakan panel solar, ruang pejabat seluas 6,000 kaki persegi untuk sewaan serta kemudahan lain turut akan dibina di bangunan baru ini," ucapnya pada majlis pecah tanah bagi pembinaan bangunan baru FMM Pulau Pinang dekat Lebuh Tenggiri 2 di sini pada 13 Februari lalu.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; mantan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ir. Rosnani Mahmod serta Presiden FMM, Tan Sri Datuk Soh Thian Lai.

Mengulas lanjut mengenai projek tersebut, Eng Hock memberitahu bahawa aktiviti STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) juga boleh dijalankan di bangunan baru tersebut apabila siap kelak.

"Kami ingin meneroka peluang untuk membangunkan sebuah perpustakaan digital di tingkat atas bangunan FFM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Cadangan pembinaan perpustakaan digital bakal memberi manfaat kepada masyarakat di Seberang Perai Tengah yang mana ia dapat membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghadapi gelombang Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

"Selain itu, kami juga berharap dapat menyediakan program-program kemahiran lebih fleksibel kepada kumpulan belia menggunakan bilik latihan baru yang bakal dibina nanti," jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata bahawa bangunan baru bakal memperlihatkan sejarah perjalanan FMM Pulau Pinang dalam tempoh masa 50 tahun lalu serta masa akan datang.

"Sebagai persatuan perdagangan yang penting, FMM sentiasa menjadi rakan strategik Kerajaan Negeri serta agensi-agensi kerajaan.

"Selama beberapa dekad ini, Kerajaan Negeri dan FMM telah bekerjasama untuk meningkatkan keupayaan menghasilkan tenaga kerja dan menyediakan infrastruktur diperlukan bagi memenuhi keperluan pelbagai industri.

"Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada FMM atas sumbangan mereka sejak bertahun-tahun lalu, dan saya berharap agar kerjasama ini dapat diteruskan supaya industri tempatan mampu berdaya saing di peringkat global," katanya.

## Dialight labur RM2.5 juta, cipta 280 peluang pekerjaan




**KETUA Menteri bersama-sama Prof. Dr. P. Ramasamy (berkemeja putih) mendengar penjelasan daripada wakil-wakil pihak berkaitan bersempena lawatan sejurus majlis pembukaan kilang baru Dialight di sini baru-baru ini.**

**BUKIT TENGAH -** Walaupun ekonomi global kian mencabar, Pulau Pinang diharap terus menjadi negeri yang paling mudah untuk rakyat mendapatkan pekerjaan sesuai dengan kadar gaji mampu hidup wajar.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pembukaan kilang pembuatan barang-barang elektronik berasaskan lampu LED Dialight Penang Sdn. Bhd. (Dialight) telah membawa pelaburan kasar kira-kira RM2.5 juta dengan mencipta 280 peluang pekerjaan secara keseluruhannya.

"Saya yakin bahawa langkah pengembangan Dialight menandakan bukan sahaja komitmen berterusan syarikat berkenaan di Pulau Pinang, bahkan, kekuatan berterusan (syarikat berkenaan) dalam memenuhi permintaan global yang semakin berkembang untuk solusi inovatif LED.

"Kemudian, Dialight bakal memperluaskan keupayaan pengeluaran global syarikat dan meningkatkan keupayaan untuk berfungsi sebagai hab pengedaran yang efisien bagi rantau Asia Pasifik, Eropah, Timur Tengah serta Afrika," katanya ketika merasmikan pembukaan kilang baru Dialight di sini pada 10 Februari 2020.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Pengurus Kilang Dialight, Ilamaran Elangkathir turut serta dalam acara tersebut.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada barisan peneraju Dialight kerana terus setia menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama di rantau ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong berharap langkah pengembangan pelaburan di Pulau Pinang akan menemukan kejayaan berganda kelak.

Sebelum itu, Pengarah Urusan Operasi merangkap Naib Presiden Dialight Asia Pasifik, Malcolm Lee memberitahu bahawa kilang pembuatan Dialight di Pulau Pinang beroperasi sejak tahun 2012, dan kini merupakan perasmian pembukaan satu lagi kilang sebagai langkah pengembangan pelaburan di negeri ini.

"Dengan kemudahan baru ini, ia bakal membolehkan kami memenuhi permintaan yang kian meningkat untuk kelengkapan LED yang lebih bermutu ke seluruh negara secara lebih berkesan.

"Kami (Dialight) percaya Pulau Pinang adalah salah satu zon perindustrian yang paling berjaya di rantau ini... (maka,) ia merupakan satu kelebihan buat kami (Dialight) dengan membolehkan kami memenuhi pengeluaran yang lebih cepat serta masa pengantaran secara pintar," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Kon Yeow kerana sudi menyempurnakan acara perasmian kilang baharu Dialight.

# JPWK, harap negeri lain contohi Pulau Pinang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Ekoran prestasi cemerlang ditunjukkan ahli-ahli pertubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) sepanjang tahun lalu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar ia dapat ditubuhkan di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) seluruh negara.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, beliau menjelaskan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di negara ini yang mengambil pendekatan menubuhkan jawatankuasa berkenaan dengan memainkan peranan penting dalam memperkasakan isu-isu wanita dan keluarga dari peringkat akar umbi.

"Setelah kira-kira satu tahun beroperasi, didapati bahawa JPWK di semua kawasan dapat bekerjasama dengan wakil-wakil rakyat serta agensi kerajaan untuk membawa isu-isu pembangunan wanita dan keluarga di KADUN masing-masing.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil berkaitan dan para ahli-ahli JPWK merakam gambar kenangan sejurus perasmian Majlis Penyampaian Watikah JPWK di sini baru-baru ini.

"Melalui JPWK juga, Kerajaan Negeri mendapat maklum balas, cadangan serta idea daripada peringkat akar umbi untuk digubal di dalam dasar-dasar yang akan memperkasakan wanita dan keluarga selari dengan Visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau dan pintar berteraskan keluarga inspirasi negara.

"Justeru, kita berharap agar lain-lain negeri juga dapat mengambil tauladan daripada negeri Pulau Pinang dan menubuhkan JPWK di setiap KADUN di seluruh negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyampaian Watikah JPWK di sini 16 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Ahli-ahli Lembaga Pengarah PWDC; wakil-wakil Pejabat Daerah dan Tanah serta ramai lagi.

Dalam pada itu, Chong Eng menyatakan bahawa dalam tempoh 10 bulan tahun lepas, 40 JPWK berjaya menganjurkan 423 program yang disertai seramai kira-kira 91,427 peserta melibatkan program berasaskan perpaduan komuniti, ekonomi dan keusahawanan, kekeluargaan, kesihatan keselamatan serta pendidikan.

"JPWK bukan sahaja memenuhi indeks prestasi berteraskan pembangunan wanita dan keluarga untuk komuniti tempatan, malah mereka juga mengambil inisiatif bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi strategik untuk melaksanakan program berimpak besar yang memanfaatkan penduduk setempat.

"Lebih penting lagi adalah pogram-program ini berupaya menjangkau pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, gender serta peringkat umur," jelasnya yang juga ADUN Padang Lalang.

Difahamkan, seramai 40 JPWK menerima watikah pelantikan bagi sesi 2020/2021 yang berkuatkuasa mulai bulan Februari.

# Kebersihan pantai penting

**PANTAI JEREJAK –** Seramai 22 sukarelawan Penggerak Komuniti Muda (PEKA) bersama-sama *Young Democrats Malaysia* (YDM) telah menjayakan aktiviti gotong-royong pembersihan pantai baru-baru ini.

Penyelaras Program, Muhammad Adam Hafiz Tan Abdullah berkata, penganjuran program gotong-royong berkenaan adalah bagi mendedahkan peri penting menjaga kebersihan khususnya di kawasan pantai sekitar Pulau Pinang.

"Kerjasama yang dipupuk melalui aktiviti gotong-royong yang diadakan dapat memberikan pendedahan kepada sukarelawan berhubung betapa pentingnya menjaga kebersihan walau di mana jua.

"Di samping itu, aktiviti sukarelawan seperti ini diharap dapat menerapkan nilai kepimpinan untuk bersuara bagi berkongsi tentang pentingnya menjaga kebersihan sekaligus menjadikan kita warga negeri yang lebih bertanggungjawab," ujarnya dalam kenyataan media di sini baru-baru ini.



ANTARA barisan sukarelawan yang terlibat dalam aktiviti gotong-royong membersih kawasan pantai baru-baru ini.



AKTIVITI yang dijalankan.

Aktiviti gotong-royong yang berlangsung selama lebih dua jam membabitkan kawasan sekitar pinggiran pantai dekat Jalan Bayan, Bayan Baru di sini berjaya mencapai objektifnya.

Selain sukarelawan PEKA dan YDM, difahamkan bahawa sukarelawan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Beach Cleanup Penang* turut bersama-sama membanting tenaga serta memberikan komitmen sepenuhnya dalam menjayakan aktiviti pada hari berkenaan.

Menurut Muhammad Adam Hafiz Tan, antara sampah yang berjaya dikumpul adalah terdiri daripada botol kaca, lampin pakai buang bayi, tuala wanita, pembalut gula-gula, tayar kereta, puntung rokok, tin minuman dan botol plastik.

"PEKA berharap semua rakyat iaitu bukan sahaja warga negeri Pulau Pinang, tetapi seluruh negara khususnya akan lebih sensitif serta prihatin tentang kebersihan di lokasi tarikan pelancongan seperti kawasan pantai dan juga sekitar walau di mana jua kita berada," serunya.



# Komited lahir pelapis sukan bola sepak

**BATU UBAN –** Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM12,000 bagi tujuan pembangunan akar umbi Liga Akademi Bola Sepak Pulau Pinang (LABPP).

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, penyaluran peruntukan tersebut adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri dalam melahirkan pelapis-pelapis baru dalam sukan bola sepak.

"Inisiatif tersebut merupakan salah satu pendekatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu LABPP untuk menyediakan pelapis yang mampu bersaing sekaligus dapat mewakili pasukan Pulau Pinang kelak.

"Justeru, saya berharap agar pelaburan seperti ini mampu membuahkan hasil yang gemilang dalam acara sukan bola sepak sama ada pada peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa," ucapnya pada Program Perlawanan Persahabatan dan Majlis Pelancaran LABPP Grassroot 2020 di sini 9 Februari lalu.

Hadir sama, mantan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman; mantan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari dan Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Dr. Amar Pritpal Abdullah.

Pada majlis itu juga, Zairil turut mengumumkan peruntukan RM5,000 kepada LABPP manakala Syed Saddiq, RM10,000.



ANTARA gimik majlis pelancaran.




SOON Lip Chee (barisan depan, kiri sekali) mengiringi Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (barisan depan, dua dari kiri) pada penganjuran Program Perlawanan Persahabatan dan Majlis Pelancaran LABPP Grassroot 2020 di sini baru-baru ini.

# Tingkat kesedaran isu penyalahgunaan *doping*

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Semua pihak yang terlibat dalam arena sukan perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan berkaitan isu-isu penyalahgunaan dadah atau *doping*.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Cheah Ban Cheng berkata bahawa perkara itu perlu bagi mengelakkan pihak-pihak berkaitan terjerumus dengan penggunaan bahan yang tidak dibenarkan dalam arena sukan.

"Umumnya, program ini adalah sangat penting bagi semua pihak yang terlibat dengan sukan secara langsung mahupun tidak langsung untuk mengetahui tentang kesedaran pengumpulan sampel.

"Selain daripada menggalakkan penglibatan para jurulatih dan juga persatuan untuk bersama-sama dalam menangani isu *doping* di negeri Pulau Pinang, program ini juga merupakan platform bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran semua pihak termasuk atlet-atlet," ucapnya mewakil Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee pada Program Kesedaran Anti-Doping di sini 15 Februari lalu.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Perubatan dan Antidoping Majlis Olimpik Asia yang juga bekas juara pecut Asia, Tan Sri Dr. M. Jegathesan; wakil agensi Anti-Doping Malaysia (ADMAS), Nishel Kumar dan pihak MSNPP.

Mengulas lanjut, Ban Cheng berharap agar program tersebut mampu mencapai objektifnya iaitu memberikan kesedaran tentang isu *doping* dalam arena sukan serta pendekatan mengawalnya.

Dalam pada itu, Jegathesan menyatakan bahawa tumpuan juga perlu diberikan kepada kes-kes *doping* melibatkan atlet-atlet negara serta di peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, penggunaan dadah biasanya mengikut jenis sukan yang diceburi atlet sama ada disiplin sukan tersebut memerlukan tumpuan, tenaga atau stamina.

"Misalnya, penggunaan dadah bagi atlet menembak memerlukan tumpuan adalah berbeza dengan atlet dalam sukan basikal yang menggunakan stamina.

"Selain itu, ada juga kes yang mana atlet menggunakan dadah melibatkan *diuretic* bagi menurunkan berat badan untuk bertanding pada kategori yang lebih ringan berbanding berat asalnya," jelasnya.




CHEAH Ban Cheng (barisan depan, tiga dari kanan), Dr. M. Jegathesan (barisan depan, empat dari kanan) merakam gambar kenangan pada penganjuran Program Kesedaran Anti-Doping di sini baru-baru ini.

## Larian Ria *Le Tour De Langkawi* meriah

**MERIAH...** Larian ria yang berlangsung di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth pada 12 dan 13 Februari lepas dengan penyertaan lebih 1,000 peserta menambahkan lagi kemeriahan acara mega *Petronas Le Tour de Langkawi 2020.*

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee sendiri menyempurnakan acara pelepasan larian sejauh 5 kilometer (km), tepat jam 7.30 pagi.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdul Kadir, Abdul Rashid Abdul Samad.

Ketika berucap, Lip Chee memberitahu bahawa acara itu merupakan salah satu program di bawah kempen Sukan Untuk Semua, tanpa mengira latar belakang, jantina dan usia.

"Sukan Untuk Semua mampu mempromosikan perpaduan dalam kalangan rakyat di samping memperkenalkan banyak jenis sukan dalam tempoh tertentu," jelasnya yang juga ADUN Bagan Jermal.




SOON Lip Chee (dua dari kiri) dan barisan jemputan menyempurnakan acara pelepasan peserta Larian Ria *Le Tour De Langkawi 2020* di sini baru-baru ini.

# Pusat pengedaran ayam ke arah Pulau Pinang lebih hijau, bersih

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**BATU LANCANG** – Pulau Pinang bakal mempunyai pusat pengedaran ayam pertama menjelang Mei 2021.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa projek berkenaan akan disiapkan sebelum semua aktiviti penyembelihan ayam dekat pasar-pasar awam di negeri ini dihentikan mulai Oktober 2021.

Menurut beliau, seramai 126 peniaga dari 26 pasar dan tapak penjaja sementara di negeri ini telah diberikan tempoh lanjutan selama dua tahun oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menghentikan penyembelihan haiwan seperti ayam, itik dan unggas di gerai.

"Dengan wujudnya pusat ini, semua ayam yang telah disembelih dari enam rumah sembelih di Seberang Perai akan dihantar ke sini.

"Projek dilaksanakan MBPP ini adalah bertujuan mengawal penyebaran wabak penyakit yang mungkin akan berlaku selain mengelak masalah longkang tercemar akibat daripada aktiviti penyembelihan tidak terkawal di pasar.

"Pendekatan ini ini juga adalah sejajar dengan visi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang lebih bersih, lebih hijau, lebih sihat dan lebih bijak," ucapnya pada majlis pecah tanah bagi pembinaan pusat berkenaan dekat Pasar Awam Batu Lancang di sini pada 14 Februari lalu.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) menyempurnakan majlis pecah tanah pembinaan pusat pengedaran ayam dekat Pasar Awam Batu Lancang di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali serta Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan MBPP, Dr. Judy Shoba.

Mengulas lanjut, Jagdeep turut memaklumkan bahawa projek menempatkan bangunan empat tingkat yang dibina di atas tapak seluas 3,527 meter berkaitan bakal menelan belanja sebanyak RM11 juta dan dibiayai bersama oleh MBPP serta syarikat JetBlue Sdn. Bhd..

Difahamkan, tingkat pertama bangunan berkenaan akan menjadi pusat operasi penyimpanan serta pengedaran, manakala tiga tingkat berikutnya menempatkan 139 ruang tempat letak kereta.

Dalam pada itu, Tung Seang menyatakan bahawa pusat pengedaran ayam berkenaan merupakan satu lagi projek MBPP dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bersih dan selamat.

Ulas beliau, notis telah diberikan kepada peniaga antara 29 November dan 10 Disember tahun lepas yang memaklumkan kepada mereka bahawa MBPP akan mengharamkan penyembelihan ayam mulai Oktober 2021.

"Masalah kebersihan ini telah dibangkitkan sejak bertahun-tahun lamanya dan akhirnya kami (MBPP) membina pusat pengedaran di sini (Batu Lancang)," ujarnya.


VILA BEGONIA

HAKMILIK KEKAL








Pelan Lokasi

**RUMAH TERES 2 TINGKAT**
Keluasan Petak Tanah: 117 mp (min) - 208 mp (max)
Keluasan Binaan : 197 mp (min) - 237 mp (max)
Harga Jualan : RM628,000 (min) - RM767,000 (max)
Bilangan Unit : 95

**RUMAH BANDARAN 3 TINGKAT**
Keluasan Petak : 127 mp (min) - 133 mp (max)
Harga Jualan : RM468,000 (min) - RM602,000 (max)
Bilangan Unit : 92

**PALMINGTON SDN BHD** (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

**5% Diskaun Untuk Bumiputera**

No. Lesen Pemaju : 11882-12/01-2021/62(L)
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-12/01-2021/62(P)
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan :MPSP/40/20-75/60
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : September 2022
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : Tiada
Sekatan Kepentingan : Tiada

Tempoh Sah : 17/01/2019 to 16/01/2021
Tempoh Sah : 17/01/2019 to 16/01/2021

Bilangan Unit:
Rumah Teres 2 Tingkat - 95 unit
Rumah Bandaran 3 Tingkat - 92 unit

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

# Belia digalak ceburi bidang keusahawanan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD RIADZ AKMAL RUSDANI**




**DR. Afif Bahardin (kiri sekali) bersama-sama dua usahawan terkemuka pada penganjuran Karnival Pendidikan dan Keusahawanan Maju Bersama di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA** – Golongan belia di negeri ini digalakkan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai salah satu sumber pendapatan yang menguntungkan.

Mantan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata bahawa bidang keusahawan menjadi semakin penting dalam memastikan peningkatan ekonomi negeri dan negara.

"Selain itu, kita juga dapat melihat apabila sektor ekonomi berkembang pesat maka peluang-peluang pekerjaan akan wujud sekaligus meningkatkan sosioekonomi masyarakat.

"Faktor paling penting sudah tentu ia akan menampung kadar pengangguran khususnya dalam kalangan belia," ucapnya pada Karnival Pendidikan dan Keusahawanan Maju Bersama dekat Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Permatang Pauh di sini 16 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Afif menyatakan bahawa Kerajaan Negeri turut mewujudkan pelbagai insentif dan pembiayaan untuk usahawan-usahawan muda bagi memajukan perniagaan masing-masing.

"Di Pulau Pinang, golongan belia tidak perlu risau kerana banyak sokongan diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

"Malah, program ini juga adalah sebagai salah satu platform untuk anak muda mempelajari bidang usahawan seperti cara promosi, memperkembangkan perniagaan, melihat potensi baharu dan sebagainya," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Difahamkan, pelbagai acara menarik diadakan sepanjang dua hari program berlangsung termasuk kursus bimbingan daripada usahawan serta selebriti terkenal, pertandingan *e-sport*, tutorial solekan, pertandingan mewarna serta jualan produk.




EcoWorld Gallery @ Eco Horizon
Eco Horizon Sdn. Bhd. (1082988-W)
PT 21145 (Pt 5251) Mukim, 13, Lebuhraya Bandar Cassia, Bandar Cassia, 14100, Pulau Pinang
E ecohorizon@ecoworld.my
EcoWorld Gallery @ Eco Horizon
Nikmati perkhidmatan dan bantuan bertaraf dunia kami setiap hari.
Isnin hingga Jumaat 9pg - 6ptg
Hujung Minggu dan Cuti Umum 10pg - 6ptg
+604 227 2255
www.ecoworld.my
Crafted by ECOWORLD CREATING TOMORROW & BEYOND

# Sertai Program Halaman Bersih dan Indah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MBSP**

**SUNGAI DUA -** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud menzahirkan penghargaan atas penganjuran Program Halaman Bersih dan Indah di Kampung Guar Kepayang dekat sini.

Ketika berucap, beliau memberitahu bahawa lebih banyak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dapat bekerjasama dengan MBSP bagi menjayakan projek perintis kampung sisa sifar seumpama berkaitan.

"Di Seberang Perai, hanya dua kampung yang terlibat dengan Program Halaman Rumah Bersih dan Indah iaitu Kampung Permatang Nibong (di Daerah Seberang Perai Tengah, SPT) yang telah mula terlibat pada tahun 2018 dan Kampung Guar Kepayang (di Daerah Seberang Perai Utara, SPU), 2019.

"Pada tahun ini, MBSP akan memberi latihan *'upcycle'* kepada penduduk yang berminat.

"Saya berharap lebih ramai lagi akan sertai Program Halaman Bersih dan Indah pada tahun ini," jelasnya ketika merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Kampung Guar Kepayang 2019 di sini pada 1 Februari 2020.

Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Pulau Pinang, Dr. Azura Abdullah turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; Pengerusi Jawatankuasa Surau Guar Kepayang, Idris Kadir dan beberapa Ahli Majlis MBSP.

Rozali menyatakan bahawa pentadbirannya merakamkan penghargaan kepada Ahli Majlis MBSP, Mohd. Saifullah Abd. Nasir kerana banyak membantu dalam menjayakan Program Halaman Bersih dan Indah di Kampung Guar Kepayang.

"Pada tahun 2019, bengkel pengkomposan telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu masing-masing pada 1 Mei dan 11 November.



**PERSEMBAHAN silat yang menarik perhatian umum.**



**SR. Rozali Mohamud (tengah, berbaju putih) merakam gambar kenangan bersama-sama para pemenang Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Kampung Guar Kepayang 2019 di sini baru-baru ini.**

"Bengkel ini bertujuan menggalakkan penduduk Kampung Guar Kepayang menjalankan aktiviti pengkomposan yang merupakan salah satu kaedah mengurangkan sisa dengan baik," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Mohd. Saifullah kerana menaja 15 hadiah berupa peralatan elektrik bagi pertandingan tersebut.

Sebelum itu, Azura memberitahu bahawa Kampung Guar Kepayang turut terlibat dalam program FACE yang dianjurkan oleh LPPKN Pulau Pinang.

"FACE merupakan program untuk mensejahterakan keluarga dengan memperkasa keluarga serta komuniti.

"Oleh itu, pelbagai program telah dirancang bagi menjayakan projek perintis kampung contoh ini, antaranya, Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah," katanya.




# MBSP diharap terus terajui GRPB

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SITI NOOR NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) boleh dijadikan sebagai penanda aras dalam penyediaan bajet dan rancangan pembangunan berorientasikan rakyat di peringkat Kerajaan Negeri.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, ia adalah berikutan kejayaan MBSP dalam menganjurkan pertandingan *'GRPB Champion Award 2019'* iaitu yang pertama seumpamanya di negara ini.

"Pertandingan ini bukan sahaja bertujuan mengiktiraf jabatan-jabatan dan unit-unit dalaman MBSP yang melaksanakan program atau projek menggunakan kaedah Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender (GRPB), tetapi juga untuk memastikan matlamat kelompok berlainan dapat difahami.

"Apabila MBSP mengambil kira pendapat dan suara komuniti serta keperluan mereka yang berbeza-beza dalam perancangan bajet sesuatu program atau projek, maka komuniti dengan sendirinya akan mempunyai rasa pemilikan bersama dan seterusnya menjadi rakan kerjasama erat di peringkat akar umbi," ucapnya pada majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan berkaitan di sini 27 Februari lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Pengerusi PUSPANITA MBSP, Datin Che Limah Ujang serta barisan kakitangan MBSP.

Mengulas lanjut, Chong Eng menegaskan bahawa GRPB yang menjadi strategi pelaksanaan utama kepada Dasar Keterangkuman Gender yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri adalah selaras dengan Visi Penang2030.




**CHONG Eng (berbaju merah) bergambar kenangan bersama-sama kakitangan MBSP yang mengambil bahagian dalam *'GRPB Champion Award 2019'* di sini baru-baru ini.**

"Oleh itu, saya berharap agar MBSP dapat terus menjadi peneraju bukan sahaja untuk GRPB malah juga dalam penginstitusian Dasar Keterangkuman Gender di negeri ini," serunya.

Dalam pada itu, Beng Leng dalam ucapannya memberitahu bahawa pertandingan berkenaan akan diteruskan pada tahun depan dengan tawaran hadiah yang lebih lumayan.

Difahamkan, semua 21 jabatan dan unit dalaman MBSP mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut yang turut mendapat kerjasama daripada PWDC.

Pertandingan berkenaan menyaksikan Jabatan Landskap MBSP dinobatkan sebagai juara, manakala Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan MBSP masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga.

# Permohonan lesen Gerai Sementara Bermusim (Pasar Ramadan) dibuka

**PADANG KOTA –** Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ahmad Azrizal Tahir memaklumkan bahawa permohonan untuk lesen Gerai Sementara Bermusim (Pasar Ramadan) berkelompok dan individu kini dibuka hingga 10 April 2020.

Borang permohonan boleh diperoleh dari laman sesawang majlis, *www.mbpp.gov.my* atau di kaunter Bahagian Pelesenan MBPP, Jalan Padang Kota Lama.

"Cuma bagi tahun 2020, tiada aktiviti pasar Ramadan tahun lalu (2019) (kelompok/individu) yang dibenarkan di sepanjang Jalan Utama iaitu berhadapan Hospital Pulau Pinang berikutan frekuensi aduan yang tinggi dan lokasi tidak bersesuaian.

"Berhubung perkara ini, para peniaga telah dimaklumkan pada musim Ramadan tahun lalu (2019) supaya persediaan awal dapat dibuat.

"Kita tidak mahu ada pihak yang gunakan perkara ini sebagai kesempatan untuk timbulkan isu perkauman, keagamaan dan sebagainya kerana kita telah maklumkan sebelum ini," ujarnya pada sidang media di sini 27 Februari lalu.

Tambah Ahmad Azrizal, bagi tahun 2019, MBPP meluluskan 22 lokasi bazar dan memohon kepada para penganjur supaya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.






**AHMAD Azrizal Tahir (dua dari kiri) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

# Pelopori profesion kemahiran




**SOON Lip Chee (barisan depan, enam dari kiri), Ong Ah Teong (barisan depan, lima dari kiri), para jemputan, wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan sejurus Majlis Perasmian Program Belia Untuk Masa Depan: Bengkel Penerokaan Kerjaya 2020 di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU LANCANG –** Pelajar-pelajar di negeri ini disaran supaya melihat profesion berteraskan kemahiran sebagai satu cabang kerjaya yang mampu menghasilkan pendapatan lumayan.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata, bahawa walaupun profesion tersebut masih kurang diminati, namun bidang berteraskan kemahiran dilihat amat menguntungkan pada masa kini.

"Malah, menteri berkaitan turut menyeru semua pihak untuk menitik berat dan mengambil peluang yang boleh didapati melalui perindustrian berteraskan kemahiran.

"Dengan kemahiran, ia dapat menjana pendapatan yang lumayan bagi golongan pelajar mahupun pekerja.

"Hal ini kerana, golongan yang sudah bekerja atau sedang belajar boleh mengambil kesempatan untuk mengikuti kursus dalam bidang ini pada masa terluang," ucapnya pada Program Belia Untuk Masa Depan: Bengkel Penerokaan Kerjaya 2020 di sini 18 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong dan Penolong Kanan Pentadbiran SMK Jelutong, Fadilah Salleh.

Mengulas lanjut, Lip Chee menjelaskan bahawa bagi tahun 2019, sebanyak 104,000 jawatan baharu telah diwujudkan dalam sektor swasta yang mana 43 peratus daripadanya adalah melibatkan kategori mahir, manakala 49.2 peratus (separa mahir).

"49.2 peratus ini merupakan jawatan baharu dalam sektor perkhidmatan dan diikuti 21.4 peratus bagi sektor pembinaan serta sektor pembuatan (18.4 peratus).

"Justeru, saya mengambil kesempatan ini menyeru para pelajar untuk terus berusaha mempelajari kemahiran-kemahiran baharu agar dapat memahami hala tuju sendiri dengan lebih efektif," jelas ADUN Bagan Jermal berkenaan.

Tiga speaker yang terdiri daripada tenaga pakar dalam bidang masing-masing iaitu Kapten Syahril Akmar Suid (marin), Gary Lee (perindustrian) dan Dr. Luruthudass (perubatan) didatangkan khas bagi menjayakan program tersebut.

Dalam pada itu, Ah Teong mengajak para pelajar SMK Jelutong untuk terus positif dalam mengejar cita-cita pada masa hadapan.

"SMK Jelutong tidak kurang hebatnya, saya sendiri adalah bekas pelajar di sini, Ahli Parlimen (Jelutong) kita, R.S.N Rayer dan Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik juga dari sekolah ini.

"Pelajar dari zaman saya juga sememangnya banyak yang berjaya dan terlibat dalam sektor profesional, jadi saya percaya para pelajar di hadapan saya ini juga mampu cemerlang dan membina kerjaya yang baik pada masa hadapan," ujarnya.



**SEBAHAGIAN pelajar yang mengambil bahagian.**


**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)**

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai RFP seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AKADEMI BADMINTON PULAU PINANG DI ATAS PT 214 DAN PT 217, SEKSYEN 8, BANDAR GEORGE TOWN, PULAU PINANG |
| TARIKH DIBUKA | : | 3 FEBRUARI 2020 (ISNIN) |
| TARIKH DITUTUP | : | 2 APRIL 2020 (KHAMIS) |

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai 3 Februari 2020.
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "**Cadangan Pembangunan dan Pengurusan Akademi Badminton Pulau Pinang Di Atas PT 214 Dan PT 217, Seksyen 8, Bandar George Town, Pulau Pinang**". Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **2 April 2020** kepada:

   **Sekretariat,**
   **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang,**
   **Tingkat 47, KOMTAR,**
   **10503 Pulau Pinang**
3. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pejabat CMI di talian 04-650 5572 / 04-650 5421 atau emel kepada mazirah_mohideen@penang.gov.my
4. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

# Sumbangan demi manfaat pelajar

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SERI DELIMA –** Enam sekolah di kawasan Parlimen Bukit Gelugor menerima peruntukan khas bagi tujuan pembelian kelengkapan yang diperlukan oleh institusi-institusi pendidikan berkaitan.

Ahli Parlimennya, Ramkarpal Singh berkata bahawa peruntukan berjumlah RM189,463 itu diagihkan kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Gelugor, SK Bukit Gelugor, SK Sri Aman, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chiao Nan, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Itam dan SMK Datuk Haji Mohd. Nor Ahmad.

Menurut beliau, sebahagian daripada jumlah peruntukan tersebut adalah bagi tujuan pembangunan Hab Digital Karpal Singh di SK Sungai Gelugor yang menelan kos RM48,793 dan bakal dibangunkan dalam empat fasa.

"Sejumlah RM8,853 dan RM31,940 telah disalurkan masing-masing untuk fasa satu pada 2018 serta fasa kedua pada 2019.

"Sekolah ini akan menerima RM4,000 lagi tahun ini bagi fasa ketiga dan RM4,000, tahun depan bagi fasa keempat.

"Pembangunan hab digital adalah melibatkan pembekalan peralatan teknologi maklumat (ICT) dan menaik taraf bilik sedia ada," katanya pada sidang media di sini 7 Februari lalu.

Turut hadir, Guru Besar SK Sungai Gelugor, Fairus Ayob dan Penolong Pegawai Daerah Timur Laut (Bahagian Perancangan), Abdul Said Hussain.

Selain peruntukan untuk pembinaan hab digital, SK Sungai Gelugor juga akan menerima sejumlah RM62,403 untuk membeli peralatan dan menaik taraf kemudahan lain di sekolah berkenaan.

Mengulas lanjut, Ramkarpal menyatakan bahawa objektif program tersebut adalah untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni bagi masyarakat setempat selain memupuk hubungan baik antara sekolah serta Kerajaan Negeri.



**RAMKARPAL Singh (tiga dari kanan) beramah-mesra dengan beberapa pelajar semasa hadir menyampaikan sumbangan di SK Sungai Gelugor dekat sini baru-baru ini.**




## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2020




Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **15 Februari 2020** hingga **15 April 2020.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**